

Jilid III
Bil. 26



Hari Rabu
18hb Disember, 1985

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4889]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) (Ruangan 4935]

Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) [Ruangan 4989]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ PUAN HAJJAH AZIZAH BINTI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).

- Yang Berhormat TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S.
(Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING. (Perak).
- „ DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P.
(Dilantik).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAPAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.U., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

Yang Berhormat TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD,
(Dilantik).

„ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).

„ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).

„ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).

„ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).

„ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).

„ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).

„ TUAN WONG YAU KET (Sabah).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof,

Hajjah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA**Rabu, 18hb Disember, 1985***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****SEKOLAH MENENGAH
VOKASIONAL-PENAMBAHAN**

1. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan Sekolah Menengah Vokasional yang ada dalam Negeri Selangor pada masa ini. Adakah Kementerian Pelajaran mempunyai rancangan untuk menambah bilangan Sekolah Menengah Vokasional itu. Jika ada, berapa, di mana tempatnya dan bila dapat digunakan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, bilangan Sekolah Menengah Vokasional yang terdapat di negeri Selangor sekarang ialah sebuah, iaitu Sekolah Menengah Vokasional, Jalan Langat, Kelang, Selangor. Kementerian Pelajaran memang mempunyai rancangan untuk menambah bilangan sekolah menengah vokasional. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pembinaannya adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan negara.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri

Pelajaran berapa ramaiakah pelajar-pelajar lepasan vokasional di seluruh negara pada tiap-tiap tahun yang mendapat pekerjaan selepas mereka ini lulus daripada sekolah vokasional menurut kemahiran daripada bidang-bidang yang mereka tuntut semasa berada dalam sekolah vokasional?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka yang Ahli Yang Berhormat itu hendak, saya tidak dapat berikan pada setakat ini dan berkehendakkan notis. Tetapi apa yang ingin saya jelaskan, bahawa Sekolah Menengah Vokasional yang ada sekarang sentiasa membuat apa yang dipanggil "tracer studies" di mana kajian-kajian dibuat untuk mengikut apa yang penuntut-penuntut buat apabila mereka gaudate daripada sekolah-sekolah tersebut. Dengan kajian-kajian seperti itu, apa yang diajar di Sekolah-sekolah Menengah Vokasional akan diubahsuai dengan permintaan yang ada di pasaran umum.

KEMALANGAN JALAN RAYA

2. **Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah benar pendapat Kementerian bahawa pemandu-pemandu yang berumur 16 tahun dan 17 tahun banyak yang mengalami kemalangan dan bukan pemandu yang berumur 30 tahun ke atas jika demikian, apakah cadangan Kementerian untuk mengelak dari semakin bertambah lagi kejadian kemalangan di masa akan datang ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan
(Puan Hajjah Rahmah binti Othman):**

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan perangkaan kemalangan jalan raya yang dikeluarkan oleh Polis, pengguna-pengguna jalan raya yang banyak mengalami kecederaan dan maut kerana terlibat dalam kemalangan jalan raya adalah terdiri daripada mereka dalam kumpulan umur di antara 26 tahun hingga 45 tahun.

Sebagai langkah untuk mengelakkan daripada semakin, bertambah lagi kejadian kemalangan jalan raya di kalangan semua pengguna jalan raya di masa akan datang, Kementerian Pengangkutan bercadang untuk menaikkan had umur pemegang lesen pemandu motosikal daripada 16 tahun kepada 17 tahun, lesen memandu motokar daripada 17 tahun kepada 18 tahun dan lesen memandu kenderaan perdagangan daripada 21 tahun kepada 25 tahun.

Cadangan ini sedang dikaji dengan mendalam dan jika didapati munasabah serta dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya khususnya kadar kematian akibat kemalangan jalan raya, maka ianya akan dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai cadangan-cadangan untuk menaikkan had umur pemandu-pemandu ini, kita amat menyanjung tinggi. Tetapi adakah pihak Kementerian juga memikirkan setakat menaikkan umur belumlah tentu untuk mengurangkan kejadian-kejadian kemalangan jalan raya oleh pemandu-pemandu yang berumur muda?

Adakah pihak Kementerian bercadang bahawa setiap kali pembaharuan lesen bagi pemandu-

pemandu yang umurnya di dalam lingkungan yang kerap berlaku kemalangan itu, iaitu di antara 26 hingga 45 tahun, terutamanya pemandu-pemandu kenderaan perniagaan, kenderaan berat seperti bas dan lori, setiap tahun mereka membaharui lesen itu maka disyaratkan untuk diberi orientasi terhadap pemikiran serta menambahkan pengetahuan mereka dari segi kematangan memandu di jalan raya serta memikirkan keselamatan orang lain, kerana didapati pemandu-pemandu inilah yang terlampau ganas dan liar ketika memandu di jalan raya terutama sekali di waktu malam tanpa memperhitungkan kebajikan serta keselamatan orang lain. Sekiranya Kerajaan bercadang demikian, apakah ini akan melibatkan satu yang sangat berat kepada Kementerian Pengangkutan?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman:

Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat itu dan sebenarnya apa usaha pun yang kita buat, sama ada hendak memberi orientasi ataupun hendak memberi kursus atau sebagainya, memanglah akan gagal jika mereka tidak betul-betul mengikuti peraturan-peraturan, undang-undang jalan raya dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan sentiasa berusaha untuk mengurangkan kemalangan jalan raya ini.

Cadangan Yang Berhormat itu bukan sahaja kita berikan kepada mereka yang hendak membaharui lesen, terutamanya kepada pemandu-pemandu kereta perdagangan, tetapi kepada pemandu-pemandu kereta biasa dan juga kereta perdagangan. Kita sudah pun mengadakan kursus orientasi ini daripada satu masa ke satu masa dengan adanya kerjasama daripada syarikat-syarikat swasta.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun beberapa kali kita mengadakan kempen jalan raya, tetapi kemalangan juga menjadi-jadi. Ini adalah disebabkan, salah satu sebabnya kerana kereta banyak, sebab itulah berlaku kemalangan, macam di Pulau Langkawi jarang berlaku kemalangan sebab kereta tak ada walaupun ada jalan raya. Jadi saya ingin tahu adakah Kementerian bercadang untuk membuat satu peraturan supaya menghadkan seseorang itu membeli kereta. Misalnya, satu keluarga itu dihadkan cuma boleh beli dua atau sebiji kereta sahaja, atau dengan lain perkataan, kita hendak kuotakan pembelian kereta kepada seseorang itu.

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat beri bandingan dengan negara-negara di ASEAN ini tentang kemalangan jalan raya di Malaysia ini.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya satu faktor Yang Berhormat mesti berbangga ialah banyaknya orang mempunyai kereta menunjukkan ekonomi di negara ini baik. Dan kalau ditanya sama ada cadangan kita untuk hendak menghadkannya, tidak ada cadangan.

Berkenaan dengan soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin kerana ia memerlukan angka-angka.

Tuan Haji Mohamed bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat kalau benar pemandu-pemandu yang berumur 16 dan 17 tahun ini banyak melakukan kemalangan, adakah Kementerian bercadang untuk meminda umur sehingga 20 atau 21 tahun?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudah pun dijawab sebenarnya. Kementerian

ini bercadang untuk meningkatkan umur lesen memandu motosikal daripada 16 hingga 17 tahun, memandu motokar daripada 17 hingga 18 tahun dan kenderaan perdagangan daripada 21 hingga ke 25 tahun. Ini hanya merupakan cadangan sahaja. Kita sekarang sedang menunggu maklumbalas daripada orang ramai.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu soalan yang sering saya tertanya-tanya di luar Dewan. Jadi saya mengambil kesempatan untuk bertanya soalan ini di Dewan ini. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun pernah melihat apabila bermotokar ke sana ke mari, ada ketua keluarga yang menaiki motosikal bersama isterinya kadangkala mempunyai anak di depannya dan anak antara isteri dan bapanya. Saya ingin bertanya, kita faham apabila melihat suasana ataupun gambaran seperti tersebut, kita di dalam motokar rasa terguris perasaan kita melihat satu keluarga berempat di atas satu motor. Saya ingin bertanya, adakah ini dibenarkan oleh peraturan jalan raya ataupun tidak? Kalau ya, alangkah baiknya kalau sekiranya satu peraturan yang melarang seorang bapa membawa dua anak sambil satu isteri kerana besar kemungkinan konsentrasi empat orang satu motosikal tadi akan menyebabkan berlakunya kemalangan. Jadi saya fikir elok pihak Kementerian memandangkan perkara ini dengan beratnya kerana makin ketara kita lihat orang membonceng motosikal empat orang pada satu ketika.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara macam ini seeloknyalah Yang Berhormat itu bertanya dalam Dewan, tak usah di luar Dewan. Untuk makluman Yang Berhormat, orang yang membawa sampai dua tiga orang ini kalau ditengok dari laporan yang ada pula kurang kemalangan. Tetapi Yang Berhormat sedia maklum

mengikut undang-undang tidak dibenarkan, hanya boleh berdua sahaja, tetapi apakan daya, manusia sekarang undang-undang Tuhan pun dilanggarnya, apatah lagi undang-undang yang di buat oleh manusia.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Soalan tambahan. Oleh sebab sering berlakunya kemalangan kerana kereta banyak, tidakkah Kementerian bercadang hendak menghadkan usia kereta yang boleh dipakai di negara kita, Maksud saya, kereta yang telah tua dikondemkan, seperti yang dilakukan di negara jiran Singapura.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita memang tak ada cadangan untuk menghadkan usia kereta buat masa ini, tetapi sedang mengkaji pemandu-pemandu yang tua, bukan kereta yang tua (*Ketawa*).

SETTINGGAN DI BANDARAYA KUALA LUMPUR-PENEMPATAN

3. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) bagaimanakah Kerajaan menyelesaikan pembiayaan apabila ia memindah dan menempatkan semula hampir 243,000 orang penduduk setinggan di 4,400 ekar kawasan setinggan di rumah-rumah pangsa atau rumah panjang dibina oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur; dan
- (b) adakah penduduk-penduduk setinggan ini membantah dengan corak hidup di rumah pangsa atau rumah panjang itu.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim, sukalah saya menerangkan latarbelakang atau sedikit mengenai

dengan dasar dan pandangan Kerajaan terhadap masyarakat setinggan, khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur ataupun di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Haruslah kita mengakui beberapa hakikat atau kenyataan, iaitu pertamanya masyarakat setinggan ini merupakan satu golongan yang menyumbangkan kepada penghidupan dan kegiatan hidup di bandar, khususnya dari segi dan dari sudut kegiatan-kegiatan ekonomi di mana mereka turut terlibat menyumbangkan tenaga di dalam bidang-bidang yang mendapat ganjaran yang rendah dan juga dalam kegiatan-kegiatan perniagaan kecil-kecilan yang dapat membantu dalam masyarakat bandar kita ini menerima ataupun berpeluang untuk berbelanja dengan cara yang rendah apabila membeli makanan dan barang-barang yang lain.

Hakikat yang kedua ialah bahawa terdapatnya ketidakmampuan oleh pihak Kerajaan bagi menyediakan perumahan awam untuk semua yang memerlukan perlindungan ataupun perumahan di Bandaraya kita.

Oleh kerana kedua-dua kenyataan ini, maka bagi setinggan yang menduduki tanah-tanah Kerajaan kerana, untuk makluman kita, bukan semua setinggan bertempat ataupun mendirikan perkampungan-perkampungan mereka di tanah-tanah Kerajaan, tetapi juga melibatkan tanah-tanah persendirian. Bagaimanapun, bagi setinggan yang menduduki tanah-tanah Kerajaan, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan telah secara dasar membuat keputusan untuk membenarkan mereka ini menetap sementara di atas tanah-tanah Kerajaan sehinggalah tanah-tanah tersebut diperlukan untuk satu-satu tujuan atau satu-satu maksud pembangunan. Dan sehingga keputusan itu dibuat, sehingga tanah itu diperlukan bagi pembangunan oleh

Kerajaan, kawasan-kawasan setinggan ini akan diberikan kemudahan-kemudahan asas supaya dapatlah mereka hidup sekurang-kurangnya dalam keadaan yang terpelihara dan selamat dari segi kesihatan dan sebagainya, dan di samping itu juga mengawal supaya tidak bertambah rumah-rumah ini dan juga tidak pula bertambah kawasan-kawasan setinggan.

Di samping itu, pihak Kementerian saya juga tidaklah hanya menunggu bagi membangunkan kawasan tersebut bagi tujuan-tujuan Kerajaan sematamata, malahan telah pun melaksanakan satu rancangan pembangunan semula kawasan-kawasan setinggan yang terdapat di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan tujuan untuk menaikkan taraf kawasan-kawasan yang berkenaan kerana saya rasa kita tidak hanya harus menganggap bahawa masalah kemiskinan hanya berlaku di luar bandar, tetapi juga memang terdapat di kawasan-kawasan bandar seperti Bandaraya Kuala Lumpur.

Dengan tujuan melalui rancangan pembangunan semula kawasan-kawasan setinggan ini bahawa kawasan yang berkenaan dapat dibangunkan dan disediakan bukan sahaja rumah-rumah kos rendah yang mampu dibeli dan juga yang sesuai untuk diduduki oleh masyarakat kita tetapi juga dengan kemudahan-kemudahan awam yang lain yang boleh menentukan supaya taraf kawasan-kawasan ini setanding atau hampir sama dengan kawasan-kawasan perumahan yang baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini.

Tujuannya ialah supaya di dalam pembangunan semula kawasan-kawasan setinggan ini kita tidak pula melihat berlakunya kemusnahan nilai-nilai yang penting dalam masyarakat kita iaitu nilai-nilai yang telah dapat dipupuk di dalam sesebuah perkampungan setinggan di mana

kalau hendak dibandingkan dari segi kesejahteraan penduduk dan keselamatan penduduk di antara kawasan setinggan dengan kawasan perumahan moden, kita dapati bahawa oleh sebab adanya talian dan hubungan yang rapat di antara jiran dengan jiran, dengan adanya suasana perkampungan yang hampir-hampir sama dengan keadaan kampung di desa, maka kita lihat bahawa di kawasan-kawasan setinggan yang ada pada hari ini suasana hidup tersebut lebih selamat, lebih teratur dan lebih terpelihara kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan perumahan yang moden dan yang baru di mana dari segi kes-kes rompakan ataupun pecah rumah kurang sangat berlaku di kawasan-kawasan setinggan kerana adanya hubungan kemesraan, muhibah di antara satu sama lain dan setiap jiran melihat dan mengawal keadaan jiran mereka supaya tidaklah diganggu-gugat oleh pihak-pihak yang lain. Jadi, pihak Kementerian saya bertujuan untuk memelihara suasana ini dan memelihara nilai-nilai yang begitu unik bagi masyarakat kita di mana walaupun mereka duduk di dalam bandar tetapi dapat juga mereka mempraktikkan nilai-nilai kekampungan ini, sebab itu apabila dibangunkan semula kawasan-kawasan setinggan kita cuba dan berusaha sedaya upaya kumpulan yang sama dapat dipindahkan ke tempat yang dibangunkan itu dan dapatlah dijalinan hubungan atau suasana perkampungan yang telah terdapat dalam perkampungan setinggan yang terlibat itu.

Rancangan pembangunan semula kawasan-kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan ini meliputi 6 kawasan dan akan melihat pembangunan hampir 8,000 unit rumah kos rendah yang mudah dibeli atau mampu dibeli oleh golongan setinggan yang terlibat. Saya rasa ini merupakan satu sumbangan yang begitu nyata bukan sahaja kepada kesejahteraan penduduk golongan

berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan, tetapi juga kepada aliran pertumbuhan ekonomi negara pada keseluruhannya.

Mengenai dengan bahagian (b) pula, apabila penduduk-penduduk setinggan ini dipindah ke rumah panjang atau rumah pangsa yang dibina oleh pihak Kerajaan, kita dapati bahawa mereka sudah pun menerima hakikat bahawa mereka hanya menumpang buat sekadar sehingga tanah itu diperlukan dan daripada pengalaman kita tidak ada bantahan yang serius daripada pihak setinggan yang terlibat dan selama ini oleh kerana pemindahan itu juga memelihara kelompok masyarakat yang terlibat maka tidaklah adanya kesukaran dari segi kumpulan itu atau kelompok manusia itu menjalankan penghidupan yang baru di kawasan perumahan Dewan Bandaraya ataupun perumahan Kerajaan sama ada di rumah pangsa ataupun rumah panjang.

PEMAJU PERUMAHAN- KEROSAKAN RUMAH

4. **Dato Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar terdapat Pemaju-pemaju Perumahan yang cuai terhadap projek-projek mereka sehingga berlaku kerosakan di dalam jangka masa yang begitu singkat seperti retak, bocor dan lain-lain.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar adanya kerosakan dan kecacatan rumah-rumah yang telah siap dibina oleh pemaju-pemaju perumahan. Bagaimanapun pemaju-pemaju berkenaan bertanggungjawab untuk membaiki kecacatan berkenaan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh penyerahan milik kosong rumah-rumah berkenaan.

Datuk G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat timbalan Menteri memberitahu, bolehkah Kementerian menimbangkan untuk membatalkan penguasa-penguasa perumahan yang sering dikatakan tidak membina rumah dengan baik serta banyak aduan-aduan dibuat dan jika terdapat kes-kes seperti ini berapa ramai penguasa-penguasa seperti ini telah dibatalkan? Sekian, terima kasih.

Dato S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, dari soalan saya fikir apa yang Ahli Yang Berhormat timbulkan ialah tentang permit pemaju perumahan dan kalau itu yang dimaksudkan, sukalah saya menerangkan bahawa apabila kita menerima aduan tentang pemaju-pemaju yang tidak menyambungkan projek ataupun projek-projek terbengkalai ataupun lain-lain aduan tentang projek perumahan, kita menjalankan siasatan dan mengambil beberapa tindakan. Satu di antaranya ialah untuk menyenarai hitam pemaju tersebut. Kita tak dapat menarik balik lesen yang telah pun diberi oleh kerana hasrat dan tujuan kita ialah supaya rumah-rumah yang dirancangkan itu disiapbina oleh kerana pembeli-pembeli telah pun terlibat dalam tiap-tiap satu rancangan.

LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL DAERAH

5. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar** minta Menteri Kesihatan menyatakan bagaimanakah cara perlantikan ahli-ahli Jawatankuasa Pelawat Hospital bagi setiap Hospital Daerah itu dibuat. Adakah Kementerian sedar bahawa terdapat pihak berkuasa di Hospital tidak mengingini orang yang gemar dan berkebolehan memberi pandangan kritikal dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Pelawat. Jika sedar

apakah langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan yang kurang demokratik itu.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, perlantikan Ahli-ahli Lembaga Pelawat Hospital bagi setiap Hospital Daerah adalah dibuat mengikut peraturan yang tertentu. Lazimnya pihak berkuasa Hospital Daerah itu akan meminta Pejabat Daerah mengemukakan calon-calon yang difikirkan sesuai dan berkebolehan untuk dilantik sebagai ahli. Calon-calon yang dipilih oleh Pejabat Daerah ini disalurkan ke Kementerian melalui Pejabat Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di negeri masing-masing. Di peringkat Kementerian juga senarai calon-calon ini dikaji untuk menentukan bahawa mereka yang dilantik itu adalah sesuai untuk menjalankan kerja-kerja sukarela dan boleh memberi sumbangan yang membina ke arah kebaikan hospital dan juga orang ramai.

Mengenai sikap tidak suka kepada orang yang gemar dan berkebolehan memberi pandangan yang kritikal, sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ia sebenarnya tidak harus timbul kerana pihak Kementerian Kesihatan dalam perlantikan ahli-ahli itu menggalakkan ahli-ahli, orang-orang yang benar-benar suka berkhidmat dan membuat teguran secara ikhlas dan membina. Walau bagaimanapun, sekiranya ada aduan sebagaimana Yang Berhormat katakan itu, Kementerian bersedia membuat pertukaran ahli yang lebih sesuai. Tidak ada masalah dalam perkara ini.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada Ahli-ahli Lembaga Pelawat Hospital yang dilantik hanya di atas surat lantikan sahaja dan tidak pernah

dijemput menjalankan tugas-tugas sepanjang perlantikan, seolah-olah khidmat mereka tidak diperlukan oleh pihak hospital dan perlantikan dibuat semata-mata kerana ada arahan daripada Kementerian Kesihatan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat beberapa hospital di mana Ahli-ahli Lembaga Pelawat ini tidak bermesyuarat. Tetapi urusan mesyuarat ini boleh dimulakan oleh Ahli-ahli sendiri, bukan menunggu kepada Pegawai Menjaga Hospital sahaja ataupun Pengerusi Lembaga itu. Sesiapa Ahli pun boleh minta bahawa mesyuarat ini diadakan; berapa kali hendak adakan mesyuarat pun boleh juga. Ahli-ahli Lembaga ini juga boleh meminta Pegawai Menjaga Hospital bahawa mereka hendak melawat hospital itu dan minta bantuan daripada pegawai-pegawai hospital untuk mengatur lawatan yang diperlukan itu. Jadi dalam keadaan ini jika Lembaga Pelawat ini tidak bergerak, sebahagian daripada kelemahan itu terletak kepada ahli-ahli sendiri.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Memandangkan banyak rungutan, aduan tentang masalah-masalah hubungan orang ramai dengan pihak hospital dan juga keterangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa terdapat juga di beberapa hospital bahawa pihak-pihak hospital ini tidak begitu memandang berat terhadap terhadap hujah-hujah ataupun mesyuarat-mesyuarat yang perlu diadakan bagi Jawatankuasa Pelawat.

Memandangkan kejadian ini semuanya menunjukkan bahawa Jawatankuasa Pelawat ini memang tidak digalakkan aktif, adakah pihak Kementerian bercadang untuk membuat kajian serta rombakan menjejut keseluruhan negara pada tahun 1986, Januari ini, supaya kejadian ini dapat diperbaiki.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, rombakan ini memang berlaku dari masa ke semasa kerana Ahli-ahli itu mengikut peraturan pada masa ini diganti satu pertiganya atau setengahnya pada sekali dalam dua tahun. Jadi keahlian Lembaga ini sentiasa berubah. Saya sendiri melihat senarai ahli-ahli yang hendak dilantik dan Yang Berhormat Menteri juga memberi perhatian kepada perkara ini.

Jika ada orang yang suka berkhidmat, kita juga memberi di peringkat Kementerian untuk melantik mereka. Tetapi selepas mereka dilantik, tanggungjawab untuk menggerakkan Lembaga Pelawat itu terletak saya rasa sebahagian besar di tangan ahli-ahlinya sendiri.

Mengenai aduan-aduan yang sentiasa diterima, saya hendak tegaskan bahawa tanggungjawab Lembaga Pelawat di hospital-hospital ini, bukan sahaja sebagai pencari kesilapan atau pencari kelemahan atau dengan izin, fault finding, sahaja tetapi juga untuk memberi kerjasama yang rapat dan juga untuk mempererat lagi perhubungan masyarakat tempatan dengan pihak pentadbir untuk melicinkan kerja-kerja hospital dan menjadikan hospital itu sebagai satu tempat yang selesa dan memuaskan. Saya harap dapat kerjasamalah dalam perkara ini.

Datuk Ishak bin Abdul Rahman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyoal Yang Berhormat Timbalan Menteri, Jawatankuasa Pelawat, yang tidak mengadakan perjumpaan, tidak mengadakan mesyuarat dan tidak mengadakan lawatan di hospital. Bolehkah atau tidak pihak hospital menjemput Lembaga Pelawat itu menggerakkan supaya dapat mengadakan mesyuarat. Saya boleh memberi nama hospital yang berkenaan yang mana Ahti Jawatankuasa Pelawatnya tidak

pernah mengadakan perjumpaan, tidak pernah mengadakan lawatan dan menjadi sungutan kepada orang ramai.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya, Lembaga-Lembaga Pelawat Hospital yang tidak mesyuarat diganti semula dengan ahli-ahli yang baru dalam tempoh yang baru. Dan kita juga sentiasa menyeru kepada pihak penguasa hospital untuk mengadakan atau menjemput Pengerusi Lembaga ini untuk mengadakan mesyuarat dan sebagainya dan kita akan sentiasa berusaha dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

Tuan Loo Swee Mok: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 6.

BIRO BANTUAN GUAMAN

6. Tuan Loo Swee Mok (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada langkah-langkah positif telah dan sedang dibuat untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja di semua peringkat pengurusan dalam Biro Bantuan Guaman Malaysia dan nyatakan hasil-hasil atau perkhidmatan telah dibuat kepada orang-orang miskin sejak BBG tertubuh.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kehakiman telah dan sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja di semua peringkat pengurusan dalam Biro Bantuan Guaman Malaysia.

Oleh kerana dasar berjimat-cermat dan langkah pembekuan perwujudan jawatan-jawatan baru pada masa ini maka sebilangan jawatan di Biro Bantuan Guaman Mataysia telah tidak dapat diwujudkan. Walau bagaimanapun, Kementerian telah

menghubungi pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam supaya semua kekosongan yang terdapat di Biro tersebut dapat diisi dengan seberapa segera yang boleh. Agensi-agensi tersebut pada masa ini adalah dalam proses mengendalikan urusan pengambilan untuk memenuhi jawatan-jawatan yang kosong.

Semenjak tertubuhnya Biro Bantuan Guaman pada tahun 1970, sehingga bulan Oktober, 1985, Biro tersebut telah mengendalikan sebanyak 71,223 kes. Suka juga saya menyatakan di sini bahawa bidang perkara yang dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman telah bertambah secara berperingkat-peringkat dari tiga perkara sahaja pada tahun 1970 kepada 19 perkara yang meliputi sivil, jenayah dan berbagai nasihat.

Tuan D. P. Vijandran: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, saya faham bahawa Persatuan Peguam Malaysia (Bar Council) telah menubuhkan beberapa Biro Bantuan Guaman dan respon untuknya adalah baik. Pada fikiran saya ini bermakna kekurangan Biro-biro Bantuan Guaman sedang diwujudkan. Saya ingin bertanya tidakkah Kerajaan mampu menjalankan biro-biro ini? Walau bagaimanapun bolehkah Kerajaan membantu kegiatan-kegiatan Bar Council seperti ini dengan peruntukan wang untuk menjalankan biro-biro itu.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Sebenarnya memang benar bahawa Persatuan Peguam Malaysia telah berkecimpung dan membantu di dalam usaha menolong golongan-golongan yang kurang mampu untuk mendapat seorang peguam untuk menyelesaikan atau mewakili mereka

di dalam kes-kes perbicaraan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Ini tidaklah semestinya menunjukkan yang Biro Bantuan Guaman atau Kerajaan sendiri tidak mampu menampung keperluan atau kehendak rakyat yang berkehendakkan perkhidmatan daripada Biro Bantuan Guaman ini.

Perlu diingatkan bahawa Persatuan Peguam Malaysia adalah dengan sukarela, barangkali oleh sebab bidang mereka memang di dalam undang-undang dan juga kehakiman, dengan sukarela ingin membantu rakyat golongan yang susah mencari peguam, membayar peguam dan mereka dengan sukarela memberi bantuan itu. Sukalah saya mengatakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya Biro Bantuan Guaman mempunyai cawangan atau pejabat di tiap-tiap satu daripada 13 buah negeri di Malaysia kita ini.

Walhal ada negeri yang terdapat dua iaitu Pahang mempunyai dua dan Sarawak mempunyai dua dan ada beberapa permohonan lagi daripada negeri-negeri untuk mendirikan pejabat-pejabat atau cawangan-cawangan yang baru, terutama sekali di bandar-bandar yang besar supaya dapat menampung keperluan-keperluan di situ. Kerajaan mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Peguam Malaysia kerana usaha-usaha mereka yang cemerlang itu. Walau bagaimanapun, dari segi meminta bantuan kakitangan terutama sekali, saya telah cuba membantu mereka untuk misal kata membekal seorang kerani, penghantar surat dan sebagainya.

Setakat ini kita belum lagi mendapat peruntukan untuk membantu mereka, tetapi Kementerian saya sendiri telah berusaha untuk cuba membantu Persatuan dalam perkara ini.

JALAN SEHALA DI KUALA LUMPUR

7. **Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengadakan jalan sehalah sahaja di bandar Kuala Lumpur.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidaklah berhasrat untuk menjadikan kesemua jalan-jalan di Bandaraya Kuala Lumpur ini sebagai jalan sehalah. Ini adalah sebab sistem jalan sehalah bukanlah semestinya dapat mengatasi masalah kesesakan lalulintas di sesuatu kawasan. Kejayaan sistem jalan sehalah kebanyakannya bergantung kepada adanya jalan alternative yang sesuai untuk lalulintas yang terpaksa dilencongkan oleh sebab operasi sistem itu.

Walau bagaimanapun Kerajaan akan menjalankan kajian dari masa ke semasa, apabila perlu untuk mengenalpasti jalan-jalan yang sesuai dijadikan jalan sehalah.

PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA KOMANWEL DI BAHAMAS

8. **Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel baru-baru ini ada memberi faedah yang berkesan kepada Malaysia. Jika ada, nyatakan kesan-kesan yang penting setakat ini sama ada di dalam ataupun di luar negeri.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab semasa saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar pada 4-12-1985.

Saya tidak ada apa-apa tambahan yang hendak dibuat.

RUMAH AWAM KOS RENDAH- SKIM PINJAMAN

9. **Puan Sri Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kerajaan sebarang rancangan untuk membantu orang-orang dalam golongan berpendapatan rendah untuk membeli rumah-rumah awam kos rendah melalui satu skim pinjaman perumahan berasaskan kepada paras pendapatan rendah golongan yang terlibat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan berbagai rancangan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah membiayai pembelian rumah-rumah awam kos rendah mengikut keupayaan dan paras pendapatan mereka. Di antaranya, Kerajaan telah melancarkan Skim Pinjaman Khas Perumahan yang menetapkan kadar faedah pinjaman bank-bank perdagangan/institusi-institusi kewangan pada paras 10% setahun bagi rumah-rumah yang berharga di bawah \$60,000 seunit. Di bawah skim ini, Kerajaan juga telah mensyaratkan supaya pinjaman 100% diberikan untuk pembelian rumah-rumah yang berharga di bawah paras \$25,000 seunit.

Selain daripada itu, di bawah Kementerian saya, sebuah Skim Pinjaman Perumahan, dengan tabung pusingan yang bernilai sebanyak \$20 juta telah ditubuhkan untuk memberi pinjaman kepada golongan yang berpendapatan rendah bagi membiayai kos pembinaan rumah sendiri di atas tanah milik mereka.

Manakala, di bawah skim perumahan awam kos rendah, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan kemudahan pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dengan kadar faedah sebanyak 4% setahun untuk tempoh selama 25 tahun/Kerajaan-kerajaan Negeri pula akan menyalurkan pinjaman berkenaan kepada orang awam dengan kadar faedah 5.5% setahun untuk tempoh pinjaman selama 25 tahun bagi rumah yang dijual. Bagi rumah awam kos rendah yang disewakan selama 10 tahun dan dijual kemudiannya, pinjaman diberi oleh Kerajaan dengan kadar faedah 9% setahun. Tetapi untuk projek-projek tersebut Kerajaan memberi subsidi dalam bentuk pembiayaan infrastruktur.

Di samping itu, para pembeli rumah kos rendah juga diberi kemudahan mengeluarkan sebanyak 10% atau sejumlah \$2,000 daripada jumlah caruman mereka dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk maksud membeli rumah yang berharga di bawah \$25,000 seunit.

INDUSTRI PELANCONGAN

10. **Tuan Abdul Ghani Othman** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian tumpuan kebelakangan ini dan harapan kita terhadap industri-industri pelancongan akan hanya bermakna jika kita dapat memaksimumkan nilai tambahan daripadanya. Apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam soal ini dari segi:

- (i) Ekuiti;
- (ii) Pengurusan
- (iii) Penggunaan bahan-bahan tempatan; dan
- (iv) Ekonomi luaran yang dapat dirasakan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Oo Gin Sun); Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan di bidang-bidang yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhonnat adalah seperti berikut:

(i) *Ekuiti*

Industri Pelancongan adalah tertakluk kepada syarat ekuiti yang serupa sepertimana yang dikenakan kepada industri-industri yang lain. Syarat-syarat ini antara lain menetapkan bahawa majoriti ekuiti hendaklah dimiliki oleh warganegara Malaysia sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam tahun 1983 ekuiti yang dimiliki oleh warganegara asing di dalam bidang perhotelan hanyalah sebanyak 20.6% dari jumlah modal keseiuruhannya.

(ii) *Pengurusan*

Dari segi menguruskan, syarat-syarat yang sama dengan industri lain juga dikenakan di mana keutamaan adalah diberikan kepada warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun untuk jawatan-jawatan di mana warganegara Malaysia belum mempunyai kelayakan atau kebolehan, warganegara asing adalah dibenarkan dengan syarat lantikan ini adalah untuk satu jangka masa yang ditetapkan dan rancangan diadakan untuk melatih warganegara Malaysia untuk mengambilalih tugas dan tanggungjawab berkenaan.

(iii) *Penggunaan Bahan-bahan Tempatan*

Memanglah menjadi hasrat Kerajaan supaya industri negara ini menggunakan seberapa banyak bahan-bahan

tempatan selaras dengan kempen menggalakkan pembelian barang-barang tempatan. Untuk tujuan ini, semua industri-industri yang terlibat dalam pelancongan adalah digalakkan untuk menggunakan bahan-bahan serta pengusaha-pengusaha tempatan di dalam kerja-kerja atau keperluannya.

(iv) *Ekonomi Luaran Yang Dapat Dirasakan*

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, industri pelancongan merupakan satu industri yang menyeluruh yang mempunyai kesan gandaan yang tinggi. Selain dari menambah pendapatan pertukaran wang asing, industri pelancongan juga mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara tempatan- di bidang-bidang yang mempunyai kaitan secara langsung dengan pelancongan seperti hotel, pengangkutan dan sebagainya. Di samping itu, faedah dari industri pelancongan dinikmati juga oleh lain-lain sektor ekonomi seperti restoran-restoran, industri kampung (barang-barang cenderamata), kompleks membeli-belah dan sebagainya. Dalam lain perkataan, faedah sampingan hasil dari industri pelancongan dinikmati oleh sebahagian besar rakyat dan ekonomi negara.

**PROJEK UTAMA LEBUHRAYA/
KUTIPAN TOL**

11. Tuan Mohd. Noorbin Bedah minta Menteri Kerjaraya menyatakan sejak LLM diwujudkan:

- (a) jumlah projek utama dan panjang lebuh raya yang telah siap serta kos perbelanjaan bagi projek-projek berkenaan.

- (b) jumlah kutipan yang telah dipungut sehingga sekarang daripada Tol-tol;
- (c) jumlah belanja penyelenggaraan lebuh raya berkenaan; dan
- (d) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menjamin mutu dan ketahanan lebuh raya supaya sentiasa baik dan selesa digunakan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Yellu): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat ialah seperti berikut:

- (a) Sejumlah 7 projek utama lebuh raya sepanjang 200.8 km telah pun siap dibina hingga ini oleh Lembaga Lebuh raya Malaysia. Projek-projek berkenaan adalah seperti berikut:
- (i) projek yang telah disiap bina iaitu:
- (a) Bukit Kayu Hitam sepanjang 24 km berharga \$30.5 juta.
- (b) Jambatan Pulau Pinang panjangnya 14.5 km harga \$810 juta.
- (c) Jalan-jalan bandar di Alor Setar panjangnya 12 km dan kos pembinaannya \$86.4 juta. Jumlah panjangnya 50.5 km dan harganya ialah \$931.7 juta.

Yang kedua, bahagian projek diambil oleh Jabatan Kerja Raya iaitu:

- | | | |
|---------------------------------|--------------|-----------|
| (a) Kuala Lumpur/Karak | 45.0 | Kilometer |
| (b) Kuala Lumpur/ Seremban | 56.0 | „ |
| (c) Slim Rever ke Tanjong Malim | 21.3 | „ |
| (d) Senai ke Johor Bahru | 28.3 | „ |
| Jumlah | <u>150.3</u> | „ |

Keempat-empat projek lebuh raya iaitu Lebuh raya Tol Kuala Lumpur/ Karak, Kuala Lumpur/Seremban, Slim

River/Tanjong Malim dan Senai/Johor Bahru itu telah diambil alih daripada Jabatan Kerja Raya oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia yang mana kerja-kerja pembinaan tambahan ke atas projek-projek ini telah menelan belanja sebanyak \$85.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan (b) jumlah kutipan tol yang telah dipungut sehingga bulan Oktober 1985 daripada ketujuh-tujuh projek itu adalah sebanyak \$64.29 juta.

Jawapan bagi soalan (c), jumlah belanja penyelenggaraan ke atas ketujuh-tujuh projek itu sehingga bulan Oktober 1985 adalah sebanyak \$3.39 juta.

Jawapan bagi soalan (d), bagi menjamin mutu dan ketahanan Idbuhraya-lebuhraya ini supaya sentiasa baik dan selesa digunakan, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia telah dan akan mengadakan kerja-kerja penyelenggaraan yang lebih berkesan dan di bahagian-bahagian yang tertentu pula kerja-kerja peningkatan taraf, penurapan, pemuliharaan semula telah dan akan juga dijalankan.

Tuan Loo Swee Mok: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri jika seorang pemandu telah membayar wang tetapi enggan menerima resit yang diberi oleh kakitangan tol itu, bolehkah resit itu diberi kepada pemandu yang lain?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut sistem-sistem yang sedia ada dan digunakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia pada masa sekarang ialah sistem melalui komputer. Selepas seseorang pemandu membayar kepada pekerja-pekerja di tol-tol iaitu stesen kutipan, mereka akan memberi satu resit kepada beliau, jika beliau suka juga menyimpan resit itu bolehlah dan jikalau beliau tidak mahu resit itu pun boleh juga. Tetapi mengikut sistem yang kita kenalkan dalam Lembaga Lebuhraya Malaysia

tiap-tiap kereta yang menggunakan jalan itu akan didaftarkan dan pada malam itu kita dapat tahu apakah jenis dan bilangan kereta menggunakan jalan dan berapa kutipan dibuat untuk hari itu dan selepas itu jugalah kita menerima semua kutipan-kutipan daripada pemungut-pemungut di jalan-jalan itu.

KES RASUAH-BAYARAN SALINAN PERNYATAAN AMARAN

12. **Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa orang-orang kena tuduh yang memohon salinan pernyataan percakapan amaran di dalam kes-kes rasuah dikenakan bayaran berjumlah \$50 untuk pernyataan sedemikian, dan adakah Kerajaan akan menimbang untuk membekalkan kepada orang-orang kena tuduh dengan percakapan amaran tanpa bayaran.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bayaran yang dikenakan bagi mendapatkan salinan pernyataan percakapan beramaran adalah merupakan bayaran perkhidmatan di atas urusan-urusan seperti taip menaip/photostat, membuat semakan, menggunakan bekalan alatulis jabatan dan juga masa kakitangannya. Berasaskan kepada kos perkhidmatan di atas, Kerajaan berpendapat bahawa bayaran sebanyak \$50 yang dikenakan pada masa sekarang adalah berpatutan.

PENCEN PESARA

13. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Perdana Menteri menyatakan bolehkah Kementerian, yang berkenaan memberitahu jumlah peruntukan tiap-tiap tahun untuk membayar pencen pesara-pesara yang tinggal di luar dan di dalam Malaysia.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili); Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kewangan yang

telah diluluskan oleh Kerajaan bagi pembayaran pencen kepada pesara-pesara bagi tahun 1981 hingga 1985 adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan \$	Bayaran Sebenar	
		Dalam Negeri \$	Luar Negeri \$
1981	649,261,000	574,275,574.30	9,535,617.34
1982	649,860,000	572,637,472.40	13,879,538.52
1983	725,415,500	619,886,843.97	8,789,538.52
1984	753,317,800	668,518,041.23	11,758,570.65
1985	790,436,000	724,015,000.00	17,689,000.00

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri daripada jumlah-jumlah wang pencen yang dibayar ke luar negeri, negara manakah yang paling banyak yang pencen kepada pesara-pesara yang dibayar?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana saya tidak ada maklumatnya, saya akan beri jawapan yang bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kekurangan pencen bagi tahun 1983 daripada tahun 1982 yang mana mengikut keterangan Yang Berhormat Menteri pada tahun 1982 pencen ke luar negeri \$13.87 juta, manakala tahun 1983 pencen keluar negeri \$8,789 juta, apakah ini hasil satu kajian implikasi daripada sungutan daripada Dewan Rakyat pada tahun 1982 mengatakan pencen yang diselewengkan oleh pesara-pesara daripada India yang mana orang-orang yang sudah mati masih dibayar pencen?

Yang kedua, dengan pertambahan semula pencen ke luar negeri daripada tahun 1983 kepada 1984 dan seterusnya 1985 iaitulah daripada \$8.789 juta tahun 1983 meningkat kepada \$11.758

juta pada tahun 1984 dan meningkat lagi pada tahun 1985 kepada \$17.689 juta, apakah ini implikasi daripada perasaan rakyat yang cuba hendak melarikan diri daripada negara ini terutamanya ke negara Australia?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, mengenai jawapan yang pertama itu, saya rasa ini bukanlah kerana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenai dengan orang-orang yang berasal dari India ataupun sudah berada di India, akan tetapi ini saya mohon maaf, Tuan Yang di-Pertua. Yang sebenarnya saya tidak dapat memberi jawapan pada ketika ini tetapi saya akan berikan jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Mengenai soalan yang kedua itu, pada keseluruhannya pencen di negara kita ini telah kian bertambah, jarang mengurang. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat lihat daripada jumlah peruntukan dari tahun 1981 hampir \$650 juta dan selang 4 tahun sahaja hampir \$800 juta iaitu kenaikannya \$150 juta di dalam masa 4 tahun sahaja. Jadi, memang di negara kita ini tidak pernah menurun jumlah peruntukan pesara-pesara ataupun pencen yang kena kita bayar kepada pekerja-pekerja dan yang layak menerima pencen-pencen di negara kita ini. Walau apa jua pun sebab-sebabnya, saya akan rujuk kepada Jabatan

Perkhidmatan Awam, Bahagian Pencen dan akan memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat.

EKONOMI NEGARA - PERTUMBUHAN

14. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kewangan menyatakan iaitu berapa peratuskah dijangka kadar pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 1986 nanti, adakah diramalkan dijangka keadaan ekonomi negara akan lebih baik dari tahun 1985 atau sebaliknya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara pada tahun 1986 dijangka akan mencapai kadar pertumbuhan 6% berbanding dengan kadar pertumbuhan 5.2% yang dijangka dapat dicapai dalam tahun 1985 ini. Pada keseluruhannya sehingga kini keadaan ekonomi antarabangsa tidak menunjukkan tanda perubahan yang berbeza dari andaian. Dengan penggalakan yang telah diberi dalam Belanjawan dan peranan yang lebih aktif oleh sektor swasta, saya mempunyai penuh kepercayaan negara kita akan dapat mencapai kadar pertumbuhan 6% yang diramalkan itu.

Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa mengikuti perkembangan dalam ekonomi dan tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil jika perlu.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu mengenai jiran negara kita iaitu negara Singapura. Sekarang ekonomi Singapura nampaknya tidak ada berapa baik seperti yang dilaporkan dalam suratkhbar. Tetapi bila kita hendak mengeluarkan wang kita, dulu kita bayar \$1 kena potong 10 sen, sekarang 15 sen. Apakah sebabnya? Wang kita sudah turunkah atau dia punya sudah

naik. macam mana? Macam mana ekonomi kita sekarang sudah baikkah atau tidak?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan potongan 10 sen atau 20 sen. Sebenarnya ini disebabkan pertukaran di antara Ririggi Malaysia dengan Dollar Singapura yang berubah dari masa ke masa. Ini bukan soal potong tetapi soal kadar pertukaran. Kalau sekiranya wang kita \$1, wang mereka hanya 97 sen atau 96 sen, terdapat perbezaan 3-4 sen begitu. Soalan pertukaran ini di luar daripada cerita pertumbuhan ekonomi yang mana saya hanya diminta memberi tentang ramalan keadaan ekonomi bagi tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Tempoh untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 29 adalah di beri di bawah ini)

KOLEJ ISLAM

15. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar Kerajaan bercadang mengambil alih Kolej Islam yang ditaja oleh Kerajaan Negeri dan mendirikan Kolej Islam di tiap-tiap negeri bagi penuntut-penuntut mengambil Diploma dalam berbagai-bagai bidang professional dan teknikal berorientasikan keislaman.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar Kerajaan akan mengambilalih Kolej Islam yang ditaja oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan juga tidak bercadang untuk mendirikan Kolej Islam di tiap-tiap negeri bagi penuntut-penuntut mengambil Diploma dalam berbagai-bagai bidang professional dan teknikal berorientasikan ke Islam.

SIARAN RANCANGAN TV MALAYSIA

16. **Tuan Harun bin Hassan** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah beliau berpuashati dengan siaran rancangan-rancangan TV Malaysia yang ada, kalau belum berpuashati apakah langkah-langkah berkesan diambil untuk mempertingkatkan lagi mutunya.

Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim): Sebagai sebuah Kementerian yang dinamik dan sentiasa mengikuti perkembangan sosio budaya, politik dan ekonomi negara ini mahupun seluruh dunia, TV Malaysia adalah sebuah organisasi yang sentiasa berdenyut dan bergerak maju. Oleh yang demikian Kementerian saya pada mana-mana ketika tidaklah berpuashati dengan sebarang taraf pencapaian yang ada.

Banyak langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian saya untuk meningkatkan prestasi TV Malaysia, termasuk projek-projek seperti yang berikut:

(i) *Penswastaan.*

Dalam projek penswastaan penerbitan rancangan-rancangan untuk TV, RTM telah mencapai kejayaan yang diluar dugaan dan mendapat sambutan hangat daripada pengusaha-pengusaha filem serta syarikat-syarikat penerbitan di negara ini. Projek ini selain dari menambahkan nisbah rancangan-rancangan tempatan di kaca TV, juga memberi nafas baru kepada perusahaan perfileman di negara ini, Projek penswastaan ini juga memberi peluang kepada bakal-bakal artis mengasah bakat-bakat mereka.

(ii) *Filem-filem rencana.*

Usaha-usaha sedang dibuat ke arah penayangan 100% filem-filem rencana dalam Bahasa Malaysia di kaca TV mulai tahun hadapan filem-filem ini adalah terdiri daripada filem-filem rencana terbitan RTM dan filem Negara serta syarikat-syarikat swasta dan juga filem-filem dari luar negeri yang dialihsuarkan ke Bahasa Malaysia.

(iii) *Rancangan Tempatan.*

Sebelum penghujung tahun 1986 TV Malaysia merangka untuk pencapaian 70% rancangan-rancangan tempatan pada keseluruhan masa siarannya.

(iv) *Alat-alat Baru.*

TV Malaysia telah juga diperuntukkan sejumlah wang untuk membeli alat-alat baru khususnya kamera liputan berita yang ditempatkan di kawasan-kawasan penting serta di negeri-negeri di luar Kuala Lumpur. Penempatan kamera-kamera liputan berita di seluruh negara ini akan memperluaskan lagi skop liputan berita supaya ianya tidak hanya tertumpu kepada kegiatan-kegiatan di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya sahaja.

(v) *Latihan Kepada Kakitangan RTM.*

Usaha-usaha untuk mempercekapkan lagi kakitangan yang mengendalikan tugas-tugas dalam bidang penyiaran ini menerusi latihan dan kursus juga sering dilakukan. Ini termasuklah latihan-latihan dan kursus-kursus di dalam dan di luar negeri. Bagi latihan dan

kursus di dalam negeri, kebanyakannya dianjurkan oleh Institut Penyiaran Tun Abdul Razak(IPTAR).

Butir-butir yang saya sebutkan tadi hanyalah sebahagian dari langkah-langkah positif Kementerian saya untuk mempertingkatkan lagi prestasi RTM di masa hadapan. Kementerian saya akan merancang langkah-langkah yang lain mengikut kehendak dan keadaan semasa demi mempertingkatkan lagi mutu serta prestasi Radio dan TV Malaysia.

LAPANGAN TERBANG BARU SIBU

17. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab menangguhkan pembinaan Lapangan Kapal Terbang Baru Sibu bila pembinaannya akan dimulai dan apakah Kerajaan bercadang akan memanjangkan landasan kapal terbang (runway) dan perbaiki kemudahan-kemudahan lainnya bagi pendaratan dan perlepasan kapal terbang Boeing 737/747.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Sebagaimana yang Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sememangnya mempunyai rancangan untuk membina sebuah lapangan terbang baru di Sibu. Pada asalnya projek telah dijadualkan untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) tetapi oleh kerana negara kita menghadapi masalah kewangan disebabkan keadaan kemelesetan ekonomi maka Kerajaan telah terpaksa menangguhkan pelaksanaannya. Sungguhpun demikian pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji semula kedudukannya dan jika keadaan kewangan mengizinkan Kerajaan akan menimbangkan kemungkinan melaksanakan pembinaan lapangan

terbang baru ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990).

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah lapangan terbang di sebuah tapak yang baru kerana tapak di mana terletak Lapangan Terbang Sibu sekarang tidaklah sesuai dari segi keadaan fizikal dan kawasan tanah untuk kerja-kerja pembesaran dan pembinaan bagi membolehkan pendaratan pesawat jet. Lapangan Terbang yang baru itu akan mempunyai kemudahan-kemudahan landasan dan bangunan terminal untuk menampung keperluan operasi B737.

KEMALANGAN JALAN RAYA JOHOR BAHRU-AYER HITAM

18. **Tuan Haji Mohamed bin Yahya:** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada sedar atau tidak, iaitu banyak kemalangan di Jalan Raya Johor Bahru-Air Hitam disebabkan penggalian di tepi-tepi jalan kerana memasang plastik untuk telefon.

Dato' S. Samy Vellu: Saya telah difahamkan bahawa tidak ada berlaku kemalangan di Jalan raya Johor Bahru-Ayer Hitam yang disebabkan oleh kerja-kerja penggalian di tepi jalan untuk memasang plastik telefon. Saya sedar bahawa kerja-kerja seperti itu boleh membahayakan kerana ia berdekatan dengan ubin jalan. Walau bagaimanapun, papan-papan tanda yang sesuai telah diletakkan untuk mengingatkan lalulintas mengenai kerja-kerja yang sedang dilaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja itu adalah sekarang hampir siap.

SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PELAJARAN

19. **Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kementerian Pelajaran akan memulakan skim gaji siswa dan bukan siswa.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Kementerian Pelajaran telah bersetuju supaya diwujudkan hanya 2 Skim Perkhidmatan bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran untuk menggantikan 11 Skim yang sedia ada. Perlu dijelaskan di sini bahawa 2 Skim bagi perkhidmatan peralajaran sedang dalam peringkat kajian akhir di antara pihak Kementerian Pelajaran dan Agensi-agensi Pusat. Skim ini akan dilaksanakan setelah keputusan muktamad mengenai perkara ini dicapai.

KEMPEN BELILAH BARANGAN BUATAN MALAYSIA

20. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dalam usaha-usaha kempen "Belilah Barangan Buatan Malaysia", kenapa barang-barang tersebut lebih murah di pasaran negara jiran jika dibandingkan dengan harga yang dijual dalam negeri.

Dato' Oo Gin Sun: Pengeksport-pengekspornegara kita menghadapi persaingan hebat di pasaran luar negeri. Untuk menembusi pasaran luar negeri itu, harga yang kompetitif merupakan suatu faktor yang terpenting. Oleh sebab itu, harga sesuatu barangan kita yang dijual di pasaran luar negeri itu kadangkala perlulah diturunkan untuk mengambilkira harga barangan yang sama yang ditawarkan oleh pengeluar-pengeluar dari lain-lain negara walaupun harga di dalam negeri lebih tinggi.

Perlulah kita sedar bahawa pekilang-pekilang yang berupaya menembusi serta mendapat tempat di pasaran luar negeri akhirnya akan dapat mengurangkan kos unit pengeluaran mereka. Akibatnya bukan sekadar dapat menstabilkan harga barangan mereka di pasaran tempatan tetapi dapat juga membantu usaha negara

untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara perindustrian yang maju.

JAMBATAN PULAU PINANG- KESELAMATAN

21. Dato Kamarusaman bin Ahmad mita Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai satu rancangan bagi memastikan keselamatan "Jambatan Pulau Pinang" benar-benar terjamin dan bebas daripada berlakunya kes rompakan, bunuh diri dan sebagainya.

Dato' S. Samy Vellu: Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia mempunyai beberapa langkah untuk memastikan keselamatan Jambatan Pulau Pinang. Di antara langkah-langkah itu yang akan diambil ialah memasang papan tanda (sign board) tertentu seperti mencegah kenderaan berhenti di sepanjang jalan, tidak dibenarkan berjalan kaki dan larangan tersebut akan dikuatkuasakan oleh pihak polis, yang mana tugas-tugas itu akan diambil alih oleh satu unit peronda lebuhraya, Lembaga Lebuhraya Malaysia yang akan ditubuhkan dan dijangka akan beroperasi pada awal bulan Januari 1986.

SEMINAR POLITIK ANJURAN PELAJAR MALAYSIA LUAR NEGERI

22. Tuan Harun bin Hassan mita Perdana Menteri menyatakan bahawa terdapat pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri sanggup membelanjakan sebahagian dari wang biasiswa yang diberi oleh Kerajaan di gunakan untuk menganjurkan seminar-seminar politik yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin parti Pembangkang. Kalau benar apakah tindakan yang telah diambil.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Setakat ini saya belum mendapat laporan tentang adanya pelajar-pelajar yang menggunakan wang biasiswa mereka untuk menganjurkan seminar-seminar politik yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang.

Walau bagaimanapun, sekiranya perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu benar-benar berlaku dan terbukti maka tindakan sewajarnya akan diambil untuk menamatkan biasiswa mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya nyatakan bahawa sebagai usaha untuk menyedarkan pelajar akan tanggungjawab mereka terhadap negara dan pelajaran mereka dan sebagai mengelakkan mereka dari penglibatan dalam aktiviti yang tidak sihat, Kerajaan telah mengadakan kursus Orientasi kepada pelajar-pelajar yang akan ke seberang laut dan Kursus Reorientasi kepada pelajar-pelajar yang telah berada di seberang laut.

KAYU KAYAN- KEKURANGAN

23. **Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah atau dasar Kementerian beliau bagi mengatasi kekurangan kayu kayan di Malaysia menjelang tahun 1990an nanti.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Kementerian Perusahaan Utama dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri telah, sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah kekurangan

bekalan kayu kayan di Malaysia menjelang tahun 1990an. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- (a) Mengurangkan kadar tebangan tahunan kawasan hutan. Di Semenanjung Malaysia, kadar tebangan telah dikurangkan daripada 365,967 hektar dalam tahun 1978 ke sekitar 200,000 hektar pada masa ini dan akan dikurangkan lagi kepada 149,000 hektar pada tahun 1986 dan tahun-tahun selepasnya. Sabah akan mengurangkan kadar tebangan tahunannya daripada 250,000 hektar setahun pada masa ini ke 200,000 hektar setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke 5. Sarawak pula akan mengurangkan kadar tebangannya daripada 250,000 hektar setahun dalam tempoh RME dan RML ke 200,000 hektar setahun mulai 1990.
- (b) Menghutan semula kawasan hutan dengan penubuhan ladang-ladang hutan. Kerajaan telah pun menubuhkan 6,754 hektar ladang hutan jenis pine dan 8,400 hektar lagi sedang ditubuhkan. Seterusnya usaha-usaha untuk menubuhkan Ladang Hutan Kompensatori yang ditanami dengan pokok-pokok jenis cepat membesar seperti "Gmelina arborea, Acacia mangium, Eucalyptus camaldulensis dan Porosaerianthes fakataria, sedang diambil bagi meliputi kawasan seluas 188,000 hektar di Semenanjung Malaysia menjelang tahun 1995. Selain daripada itu seluas 1,500 hektar hutan Jati dan Mahogany akan ditubuhkan dalam tempoh rancangan Malaysia ke-5. Di Sabah 40,000 hektar ladang hutan telah pun ditubuhkan dan 250,000 hektar lagi akan ditubuhkan menjelang tahun

2000. Sarawak pula telah menubuhkan 1,700 hektar ladang hutan setakat ini dan dalam tempoh RML 5,850 hektar lagi akan ditubuhkan.

- (c) Langkah-langkah merawat hutan juga dijalankan yang dikenali sebagai rawatan silvikultur dan tanaman mengaya. Seluas 678,275 hektar kawasan hutan kekal di Semenanjung Malaysia telah pun dirawat sehingga kini. Dalam tempoh RML seluas 400,000 hektar lagi akan dirawat. Sabah telah pun merawat 44,000 hektar kawasan hutan, dalam tempoh RME dan dalam tempoh RML 60,000 hektar lagi akan dirawat. Di negeri Sarawak 66,000 hektar kawasan hutan telah dirawat secara silvikultur dalam tempoh RME dan dalam tempoh RML 90,000 hektar akan dirawat.
- (d) Mengamalkan sistem pengurusan memilih. Di bawah sistem ini hanya pokok-pokok yang perepangnya berukuran 50 sm. pada paras dada yang boleh ditebang. Sistem ini menggantikan sistem dahulu yang membenarkan penebangan pokok-pokok berukuran perepang 45 sm. pada paras dada pada sekali tebang.
- (e) Kerajaan juga menggalakkan pemerosesan dan penggunaan kayu-kayu kurang terkenal termasuk kayu getah supaya tekanan bagi menebang hutan untuk mendapatkan kayu-kayu popular dikurangkan. Langkah-langkah yang diambil termasuklah melalui penyelidikan dan usaha-usaha promosi bagi mendapatkan penerimaan pengusaha dan pengguna akhir terhadap kayu-kayu kurang terkenal itu.
- (f) Kerajaan juga telah mengharamkan eksport balak berukuran perepang 41 sm. dan ke atas dari Semenanjung Malaysia mulai awal tahun ini dan sedang merancang untuk mengetatkan lagi dasar ini. Di samping itu galakan untuk pertumbuhan dan permodenan kilang-kilang kayu disediakan supaya dengan kilang-kilang yang cekap jumlah kayu yang perlu ditebang dikurangkan dengan tidak menjejaskan jumlah pengeluaran barangan-barangan berproses daripada kayu.

Dengan dasar-dasar dan langkah-langkah seperti di atas Kerajaan percaya masalah kekurangan kayu yang diramalkan berlaku dalam tahun 1990an dapat dielakkan atau diatasi.

LAWATAN MENTERI PERTAHANAN BRITISH KE MALAYSIA

24. **Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tujuan lawatan Menteri Pertahanan British (British Secretary of State for Defence) ke Malaysia baru-baru ini dan nyatakan hasil-hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Malaysia bersabit dengan lawatan itu.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Lawatan Menteri Pertahanan British ke Malaysia pada 6 hingga 9 November 1985 adalah dalam rangka lawatan beliau ke tempat keguguran pahlawan-pahlawan British di Wilayah ini sempena ulang tahun ke 40 Perang Dunia Kedua.

Di Malaysia beliau telah mengambil peluang untuk mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama pertahanan antara Malaysia dengan Britain yang telah sedia terjalin terutamanya dalam rangka Peraturan Pertahanan Lima Negara (PPLN). Negara Britain

sebagai ahli kepada PPLN telah mengambil bahagian dalam exercise bersama yang diadakan semenjak tahun 1981. Negara tersebut juga memberi banyak bantuan latihan kepada Angkatan Tentera Malaysia. Menteri Pertahanan Britain itu telah memberi jaminan akan mendapatkan tambahan kemudahan-kemudahan latihan di institusi pertahanan di Britain. Beliau juga telah memberi jaminan untuk terus melibatkan pasukan-pasukan Tentera British dalam latihan-latihan (exercises) bersama secara dua hala dengan Malaysia dan secara berkelompok di bawah PPLN. Kerajaan menganggapkan hasil yang dicapai dari lawatan itu adalah memuaskan.

BEKALAN AIR BAGI KONTRAKTOR BUMIPUTERA

25. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) mengapakah hanya satu peratus dari jumlah \$270.5 juta nilai projek Bekalan Air Kerajaan pada tahun 1982 dan juga hanya satu peratus dari jumlah \$175.6 juta nilai projek Bekalan Air Kerajaan pada tahun 1983 diberikan kepada pemborong binaan bumiputera; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan pemborong binaan bumiputera yang amat rendah ini dalam projek-projek Bekalan Air Kerajaan.

Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan nilai projek bekalan air yang diperolehi oleh kontraktor bertaraf bumiputera sangat rendah. Di antara sebab-sebabnya adalah seperti berikut:
 - (i) Kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera lebih berminat menyertai tender

kerja-kerja binaan. Contohnya, dalam tahun 1982 nilai kerja-kerja binaan yang diperolehi oleh kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera ialah sebanyak \$253.8 juta, atau 67% dari jumlah keseluruhan nilai kontrak binaan yang dikeluarkan. Manakala dalam tahun 1983 pula, nilai yang diperolehi oleh kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera ialah sebanyak \$106.5 juta, atau 42% dari nilai kontrak binaan.

- (ii) Sebahagian daripada rancangan Bekalan Air Kerajaan adalah dibiayai dari pinjaman Bank Pembangunan Asia. Mengikut syarat-syarat pinjaman, tender bagi projek tersebut hendaklah dibuka kepada semua kontraktor tempatan dan antarabangsa. Bagi projek-projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, seperti yang saya nyatakan tadi, kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera tidak begitu berminat untuk menyertai tender-tender bekalan air.
- (b) Kementerian Kerjaraya berusaha untuk meningkatkan penyertaan kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera di dalam menjalankan projek bekalan air. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:
 - (i) mengkhaskan lebih banyak lagi projek-projek bekalan air yang boleh dikendalikan oleh kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera sebagai "Tawaran khas untuk bumiputera".

- (ii) Memberi galakan kepada kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera untuk mempelbagaikan urusan mereka dalam bidang-bidang yang lain seperti bekalan air, dan tidak hanya tertumpu kepada bidang binaan sahaja. Usaha ini dilaksanakan melalui ceramah-ceramah, dailog, kursus dan forum yang dianjurkan oleh Kementerian Kerjaraya dari masa ke semasa.

Hasil dari kedua-dua usaha yang dijalankan oleh Kementerian Kerjaraya itu telah pun menunjukkan kejayaan, di mana dalam tahun 1984, sebanyak \$7.3 juta, atau 8% dari nilai kontrak kerja-kerja bekalan air, telah tidak diperolehi oleh kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera dalam tahun 1985 ini, iaitu sehingga bulan Ogos, nilai projek bekalan air yang diperolehi oleh kontraktor-kontraktor bertaraf Bumiputera ialah sebanyak lebih kurang \$50.5 juta, atau 43% dari nilai projek bekalan air keseluruhannya. Usaha untuk meningkatkan penglibatan kontraktor-kontraktor bertaraf Bumiputera dalam projek-projek bekalan air akan diteruskan oleh Kementerian saya di masa hadapan.

ASEAN - DASAR PERLINDUNGAN EEC

26. **Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau telah memainkan peranan supaya EEC mengambil langkah yang ikhlas dan tegas untuk mengurangkan dasar perlindungan dan membenarkan lebih banyak eksport ASEAN masuk ke pasarannya tanpa halangan dan batasan.

Dato' Oo Gin Sun: Malaysia sentiasa berusaha melalui perhubungan dua hala dan melalui ASEAN untuk

menentukan supaya negara-negara maju termasuk EEC mengurangkan dasar perlindungan dan membenarkan lebih banyak eksport ASEAN masuk ke pasarannya tanpa halangan dan batasan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu pengurangan perlindungan tarif dan bukan tarif telah diberi tekanan dalam perbincangan-perbincangan yang diadakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian dengan rakan-rakan sejawatnya dari EEC yang telah melawat Malaysia. Dalam tahun 1985 ini, Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah mengutarakan isu ini semasa menerima kunjungan:

- | | |
|---|---------------|
| a. Menteri Perdagangan Luar
Belgium, Mr. Jean Gol | Februari 1985 |
| b. Menteri Ekonomi Belgium,
Prof. Dr Mark Eyskers | Mac 1985 |
| c. Menteri Negara Bagi
Perdagangan UK, Mr Paul
Channon | July 1985 |
| d. Rombongan Perdagangan
dari Republik Persekutuan
Jerman yang di ketuai oleh
seorang Menteri Dr Martin
Bangemann | Ogos 1985 |

Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, isu mengenai pengurangan dasar perlindungan negara-negara EEC dan kemudahan kemasukan eksport dari Malaysia telah juga dibincangkan dalam pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Puan Margaret Thatcher, semasa lawatan Perdana Menteri British ke Malaysia dalam bulan April 1985. Isu ini juga telah diutarakan semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Denmark dalam bulan yang sama.

Diperingkat serantau, Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah menegaskan kepada Menteri-menteri EEC semasa Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi

ASEAN-EEC di Bangkok pada 17hb-18hb Oktober, 1985 bahawa ASEAN menganggap bidang kemasukan pasaran yang lebih baik, peningkatan pelaburan, pemindahan teknologi dan Skim Keutamaan Am (GSP) yang lebih baik, akan memberi kesan jangka panjang ke atas usaha-usaha pembangunan dan perindustrian rantau ASEAN. Ini dapat dicapai sekiranya barangan ASEAN mendapat layanan saksama untuk masuk ke pasaran negara-negara Eropah dan negara-negara perindustrian yang lain. Dalam hal ini Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah menggesa supaya EEC bertindak dengan jujur dan tegas untuk mengurangkan dasar perlindungan.

PROTON SAGA - ALATGANTI

27. **Tuan Hassan bin Nam** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah kereta Nasional Proton Saga sudah ada mempunyai alatganti (Spare part) dijual di tiap-tiap wakil penjual alatganti kereta biasa; dan
- (b) adakah harga spare partnya lebih murah daripada kereta lain atau sama sahaja harganya.

Datuk Dr James P. Ongkili: Soalan ini telah saya jawab bersama soalan Senator Dato' G. Pasamanickam pada 10 Disember 1985. Saya tidak ada apa-apa tambahan.

KEGELINCIRAN KERETAPI

28. **Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian sedar sejak akhir-akhir ini sudah beberapa kali berlaku kegelinciran keretapi dan jika sedar, adakah ini terbit dari perbuatan orang-orang yang tidak

bertanggungjawab atau landasan rel keretapi itu sudah lama dan tidak sesuai lagi digunakan; nyatakan apakah tindakan Kementerian untuk mengelak daripada berlaku kemalangan-kemalangan yang lebih buruk lagi di masa akan datang.

29. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan kegelinciran keretapi dari tahun 1980 hingga 31 Oktober, 1985. Adakah kegelinciran ini disebabkan oleh penyelewengan mana-mana pihak ataupun disebabkan landasan yang tidak kuat lagi. Memandangkan kegelinciran keretapi ini meningkat dari masa ke semasa apakah tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Keretapi Tanah Melayu bagi membetulkan keadaan itu.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Memandangkan terdapat dua soalan yang sama mengenai perkara ini iaitu soalan (28) dan (29), saya memohon izin untuk menjawab kedua-dua soalan sekarang.

Bilangan kegelinciran keretapi dari tahun 1980 hingga 31 Oktober, 1985 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Kegelinciran</i>
1980 169
1981 ..	145
1982 ..	140
1983 ..	101
1984 ..	74
1985(hingga Oktober) ..	40

Dari perangkaan bilangan kegelinciran tersebut adalah jelas bahawa kejadian kegelinciran keretapi pada tempoh 1980 hingga 1985 telah berkurangan dari tahun ke setahun. Oleh yang demikian, anggapan Ahli Yang Berhormat bahawa bilangan kegelinciran keretapi meningkat dari masa ke semasa adalah tidak benar.

Sukalah saya menyatakan di sini bahawa kegelinciran-kegelinciran keretapi yang berlaku bukanlah disebabkan oleh perbuatan orang-orang yang tidak bertanggungjawab atau penyelewengan dari pihak-pihak tertentu, tetapi adalah berpunca dari keadaan landasan dan stokereta (rolling stock) yang tidak memuaskan kerana usang. Kementerian Pengangkutan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini dengan mengadakan rancangan-rancangan tertentu untuk memperbaharui serta memperkukuhkan landasan dan juga mengganti stokereta yang lama itu tetapi oleh kerana peruntukan kewangan yang terhad tidaklah dapat melaksanakannya dengan sekali gus dan hanya dijalankan secara berperingkat-peringkat. Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengelakkan dari berlaku kegelinciran-kegelinciran keretapi adalah berkesan sebagaimana terbukti daripada perangkaan bilangan kejadian kegelinciran yang makin berkurangan sejak tahun 1980 hingga sekarang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (No. 2)

Bacaan Bagi Kali Yang Kedua
dan Ketiga

3.35 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik); Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan bagi

mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibaca kali kedua sekarang. Pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang dibuat dalam Belanjawan 1986,

Tuan Yang di-Pertua, Bab I Rang Undang-undang ini adalah mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja. Bab II adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasa 4 bertujuan menukar tafsiran "pinjaman yang diuluskan". Di bawah tafsiran baru ini hanya pinjaman yang diberi kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau Badan Bekanun termasuk manamana pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan atau Kerajaan Negeri akan dianggap sebagai pinjaman yang diluluskan dan layak mendapat pengecualian cukai.

Fasa -fasa 4 dan 5 adalah bertujuan untuk memperkenalkan satu hak "franking", dengan izin, bagi cukai keuntungan berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya pindaan dibuat bagi membolehkan perniagaan yang dijalankan mengikut Syariah diberi layanan cukai yang sama seperti perniagaan yang dijalankan mengikut prinsip-prinsip urusniaga biasa. Dalam Belanjawan ini satu cara baru diperkenalkan bagi mengutip cukai ke atas faedah yang tidak dikecualikan cukai melalui Fasal-fasal 6B, 7C, 18 dan 22. Di bawah cadangan ini, cukai pegangan sebanyak 5% dikenakan ke atas faedah yang dibayar kepada pemastautin perseorangan oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan lain. Suka saya menegaskan bahawa cukai ini tidak merupakan cukai baru tetapi hanya merupakan cara baru mengutip cukai.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasa 8* adalah bertujuan untuk meminda Akta supaya syarat berkaitan dengan penggunaan

penerbangan dimansuhkan. Dengan pindaan ini mereka yang layak mendapat kemudahan ini bolehlah menggunakan mana-mana syarikat penerbangan pilihannya sendiri.

Fasa-fasa 9 dan 16 adalah bagi membolehkan perniagaan Takaful diberi layanan cukai yang sama seperti perniagaan insuran-insuran lain.

Fasa-fasa 10 dan 21 adalah bertujuan bagi memberi layanan cukai yang saksama kepada kaum wanita.

Fasa 10 adalah bagi membolehkan apa-apa derma wang tunai yang diluluskan yang dibuat oleh perempuan bersuami yang ditaksirkan cukai pendapatan secara berasingan dibenar sebagai potongan untuk dirinya.

Fasa 11 membolehkan pencen yang diterima oleh isteri yang bersara secara pilihan bolehlah ditafsirkan secara berasingan mengikut pilihan penerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar penswastan Kerajaan pada masa kini, *Fasa 23* adalah bagi membolehkan perbelanjaan apa-apa modal yang ditangguhkan bagi pembinaan jalan raya awam atau struktur yang berkaitan layak mendapat elaun modal.

Fasa 24 (a) pula bertujuan supaya pencen ahli-ahli politik dikecuali cukai apabila ahli politik itu mencapai umur 55 tahun atau apabila ia berhenti atas sebab-sebab kesihatan. Dengan ini layanan cukai ke atas pencen yang diterima oleh ahli-ahli politik adalah sama dengan pencen-pencen yang diterima oleh semua pekerja dalam sektor awam dan juga swasta apabila mencapai umur wajib bersara.

Fasa 27 bertujuan memansuhkan cukai keuntungan timah dan kayu kayan mulai tahun taksiran 1986.

Dengan pemansuhan ini, syarikat-syarikat ini adalah tertakluk kepada cukai keuntungan tambahan biasa.

Bab IV iaitu Fasa 28 hingga 41 adalah berkaitan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan dibuat kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1976.

Fasa 28 hingga *Fasa 39* bertujuan untuk memperkemas pentadbiran cukai keuntungan harta tanah dan bagi membolehkan urusan Bank Islam yang dijalankan mengikut syariah diberi layanan cukai yang sama di bawah Akta.

Fasa 40 bertujuan untuk membolehkan seseorang isteri warganegara Malaysia atau pemastautin tetap tetapi berkahwin dengan orang bukan warganegara Malaysia atau bukan pemastautin tetap di Malaysia, mendapat pengecualian cukai daripada keuntungan pelupusan rumah kediamannya.

Fasa 41 bertujuan meminda perenggan 2, Jadual 4 untuk membolehkan tuan punya bersama menuntut pengecualian daripada cukai sebanyak lima ribu ringgit atau 10% daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai mengikut yang mana lebih besar, apabila ia melupuskan sebahagian hartanya.

Tuan Yang di-Pertua, Bab V, iaitu *Fasa-fasa 42* hingga *50* adalah berkaitan dengan pindaan yang dicadangkan dibuat kepada Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984, bertujuan memperkemas pentadbiran cukai pemindahan syer bagi mengatasi beberapa kesulitan yang timbul semenjak Akta ini diperkenalkan.

Fasa 43 meminda tafsiran "pelupusan" supaya pelupusan seperti peruntukan dan pembatalan syer daripada pengeluaran tidak dianggap sebagai pelupusan. Fasa ini juga meminda tafsiran "syarikat berasaskan tanah" dengan tujuan menghadkan

skop tafsiran yang sedia ada bagi syarikat yang tidak mempunyai harta tanah secara langsung.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan di bawah Fasal 45, pemindahan syer yang merupakan sebahagian daripada skim penyusunan semula selaras dengan Dasar Ekonomi Baru adalah dikecualikan daripada cukai, dengan syarat skim itu telah mendapat kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri terlebih dahulu. Pindaan ini dibuat untuk menyenangkan pentadbiran cukai.

Fasal 50 pula adalah bertujuan untuk tidak mengenakan cukai ke atas pelupusan bagi seseorang prinsipal atau nomininya dan di antara nomininomini atau pemegang-pemegang amanah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Bab VI, iaitu Fasal-fasal 51 hingga 53 adalah berhubung dengan pindaan-pindaan yang dibuat ke atas Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 di mana tafsiran baru "perkongsian" diadakan dalam Seksyen 2 Akta ini. Pindaan ini adalah dibuat untuk memperkemaskan lagi pentadbiran Akta ini.

Pindaan-pindaan lain adalah merupakan pindaan-pindaan kecil yang dibuat untuk melengkapkan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis iaitu Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) adalah terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Dato G. Pasamanickam.

3.46ptg.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membincangkan Rang Undang-undang Kewangan bagi pindaan kepada Akta Cukai Peridapatan, 1967.

Tuan Yang di-Pertua, di samping ini, saya juga menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan itu yang mana menitikberatkan bagi meninggikan prestasi ekonomi negara kita. Sepertimana kita semua sedia maklum, keadaan ekonomi dunia telah menjejaskan prestasi ekonomi negara kita. Bagi mengatasi kemelesetan ekonomi ini, kita harus meminda beberapa Akta yang difikirkan akan membawa lebih banyak faedah.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menarik balik pengecualian cukai ke atas bayaran faedah untuk pinjaman jangka panjang adalah suatu langkah yang positif. Ini bererti bukan sahaja akan mengurangkan bayaran faedah ke luar negeri, bahkan juga akan memperbaiki kedudukanimbangan pembayaran negara.

Cadangan untuk mengenakan cukai ke atas pencen-pencen yang diterima oleh pesara-pesara yang belum mencapai 55 tahun seperti Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Pegawai-pegawai Kerajaan adalah wajar dan perlu diterima oleh semua pihak. Dengan demikian, saya yakin dan percaya sudah tentu khazanah Kerajaan kita akan dapat dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, pengecualian cukai atas keuntungan yang diperolehi di luar negeri adalah satu langkah yang menggalakkan rakyat Malaysia untuk membawa balik wang yang tersimpan di luar negeri tanpa diragu-ragukan lagi. Biasanya kita tahu sungguhpun tak dapat berapa terang atau dicatatkan dalam rekod-rekod di mana-mana, ada juga banyak wang daripada negara kita daripada wang

swasta dan orang-orang kaya, memang mereka sudah deposit wang mereka lebih banyak dalam bank di Switzerland dan menggunakan nombor-nombor sulit.

Apabila negara kita tidak cukup wang, memang kita hendak pinjam wang daripada luar negeri, kerana hendak memajukan negara kita ini. Ini satu pindaan yang cukup baik dan membawakan dalam perhatian tiap-tiap orang yang ada menyimpan wang daripada negara kita, yang disimpan di luar negeri di beri peluang membawa balik wangnya ke dalam negara kita. Sekiranya rakyat Malaysia yang taat setia, sedia membuat demikian, sudah tentu ia akan menjadi sumber wang tambahan bagi negara kita yang dicintai.

Pindaan yang dibuat kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1976, akan dapat menyelesaikan beberapa masalah terutama sekali masalah pentadbiran dan teknikal. Dengan pindaan tersebut, pelaksanaan Akta tersebut telah dapat dimudahkan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan bagi mengkaji semula cukai keuntungan bijih timah, kayu balak dan cukai keuntungan berlebihan adalah dialu-alukan. Syarikat-syarikat yang mengendalikan kedua-dua projek tersebut pasti akan menikmatinya.

Cadangan bagi menurunkan kadar cukai perkhidmatan dari 10% ke 5% akan membantu industri hotel dan restoran, di samping menggalakkan Industri pelancongan di negara ini,

Saya suka hendak bawa satu perkara di sini iaitu kalau kita pergi ke Singapura, banyak hotel-hotel sudah turunkan harga sewa, tetapi hotel-hotel dalam negara kita belum lagi dapat menurunkan sewanya. Perkara ini saya suka membawa kepada perhatian pihak yang berkenaan atau Menteri yang berkenaan untuk memikir macam mana kita boleh mengatasi perkara ini.

Ini kita dapat aduan daripada pelancong-pelancong yang datang ke negara kita. Keputusan Kerajaan meminda Akta Bank adalah adil. Ini adalah bagi mencegah pegawai-pegawai dari penyeleweng dan penyalahgunaan kuasa. Saya berharap Kerajaan tidak teragak-agak lagi dan tidak akan bertolak ahsur ke atas penyalahgunaan yang menyebabkan orang ramai hilang kepercayaan terhadap sistem bank.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia untuk melabur dan menyimpan dengan Bank Islam dengan pengecualian cukai terhadap keuntungan akan diberikan. Langkah ini adalah langkah yang baik dan wajar. Saya berharap rakyat Malaysia akan menggunakan peluang ini.

Tuan Yang di-Pertua, cukai ke atas minuman keras beer dan rokok juga sangat dialu-alukan oleh sejumlah bilangan rakyat dengan wujudnya duti import yang tinggi atas bahan-bahan tersebut dapatlah serba sedikit mengurangkan kesan buruk ke atas kesihatan dan akan menambahkan hasil pendapatan negara kita. Rakyat Malaysia terutama sekali penanam-penanam lada hitam dan lada putih akan terasa amat gembira atas langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan beban eksport duti. Sudah tentu langkah ini ditujukan bagi menggalakkan mereka untuk melipatgandakan tanaman barangan tersebut demi kepentingan bersama. Dengan pindaan-pindaan ini saya percaya dapatlah kita memperbaiki kedudukan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Kewangan bagi pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman.

3.54ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:

Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama bangun dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini untuk membahaskan dan serba sedikit memberi pandangan dan seterusnya memberi sokongan kepada beberapa pindaan berkaitan dengan Rang Undang-undang Kewangan yang terbahagi kepada beberapa bahagian. Yang pertamanya, ialah pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967, kemudian pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, seterusnya pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan juga pindaan kepada Akta Cukai Pemindahan Syer untuk Syarikat yang berasaskan tanah 1984 dan pindaan kepada Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya dapat rumuskan dalam pindaan-pindaan seperti yang saya sebutkan tadi ialah merupakan usaha pihak Kerajaan antaranya ialah untuk mengemaskinikan sistem cukai yang telah dikuatkuasakan pada tahun-tahun yang lalu sebegitu rupa supaya dari teknikal dan pelaksanaannya dapat diuruskan dengan lebih sempurna dan lebih kemas lagi. Selain daripada itu, pindaan-pindaan juga memberi peruntukan supaya dapat diselaraskan lagi sistem cukai, terutama sekali dengan adanya institusi-institusi kewangan seperti Bank Islam dan juga Insurans Takaful di dalam amalan hidup kita pada masa ini supaya dapat disesuaikan dengan peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Akta Cukai Pendapatan pada masa ini. Saya juga melihat bahawa pindaan ini serba sedikit dapat memenuhi tujuan equity ataupun keadilan yang sewajarnya dapat kita mempertingkatkan melalui sistem cukai iaitu melalui adanya kemudahan untuk seseorang wanita yang berpencen hak mengasingkan

pencennya daripada pencen suaminya kalau tidak salah saya dan seterusnya dari segi equity dan keadilan ahli politik dikenakan cukai pencen jika sekiranya umurnya masih lagi belum sampai tahap 55 tahun, kalau ianya seorang lelaki. Dan berbalik kepada peruntukan yang sama selepas seseorang ahli politik tadi menjangkau umur lebih daripada 55 tahun.

Saya juga memerhatikan bahawa pindaan ini mempunyai peruntukan sebegitu rupa supaya Kerajaan memberi galakan kepada pihak swasta untuk memainkan peranannya dengan lebih giat lagi dengan adanya peruntukan elaun modal sama ada dari segi masa yang dipanjangkan daripada dua tahun kepada tiga tahun ataupun dari segi menggalakkan penswastaan, terutama sekali dari segi pembinaan jaian raya melalui elaun modal usaha-usaha penswastaan pembinaan jalan raya.

Saya juga dapat mengesan di dalam pindaan ini di mana Kerajaan cuba melalui pindaan akta dapat meningkatkan usaha tabungan ataupun simpanan dalam masyarakat kita dengan cara mengenakan cukai yang tertentu terhadap sesuatu simpanan mengikut jangka masa simpanan itu dibuat di institusi kewangan seperti bank, koperasi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang berkaitan dengan pindaan-pindaan ini, saya mencadangkan di dalam perbahasan ini supaya kita melihatnya dari segi yang lebih luas lagi. Kita sedia maklum bahawa Kerajaan mempunyai beberapa alat untuk mentadbirkan ataupun mertguruskan ekonomi kita sama ada untuk jangka masa yang pendek ataupun jangka masa yang panjang yang dimiliki oleh Kerajaan untuk menguruskan sesebuah ekonomi seperti yang ada di negara kita ini ialah melalui sistem perbelanjaannya, melalui alat monetory yang ada pada

Bank Negara dan seterusnya melalui sistem cukai yang boleh digunakan oleh Kerajaan. Jadi, tiga alat ini iaitu melalui Belanjawan, melalui perbelanjaan Kerajaan, melalui alat-alat moneter dan alat-alat cukai, Kerajaan dapat menentukan ke arah mana sesebuah ekonomi itu akan dibawa berdasarkan kepada matlamat yang hendak dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membuat pindaan cukai-cukai tersebut sewajarnya pihak Kementerian Kewangan dapat memikirkan tentang keadaan ekonomi pada masa ini dan saya percaya keadaan ekonomi pada masa ini dapat diselidiki dari segi kuasa-kuasa yang menentukan keadaan ekonomi tersebut. Dan saya percaya pihak Kementerian dapat mengesan apakah sebab-musababnya, apakah kuasa-kuasa yang ada di dalam pasaran dunia dan juga di dalam ekonomi kita untuk menentukan keadaan pada sesuatu ketika ekonomi seperti di negara kita ini. Jadi, dengan adanya kefahaman sebab musabab, unsur, sumber yang menentukan keadaan sesebuah ekonomi ini maka saya percaya Kerajaan akan dapat menentukan masalah yang dihadapi oleh ekonomi dan dengan memahami masalah tersebut seterusnya menggunakan alat-alat yang ada padanya untuk mengatasi masalah itu, sambil itu mencapai matlamatnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membuat pindaan sesuatu cukai maka saya menyarankan di sini supaya kita betul-betul memahami tentang apakah sebab-sebab yang menentukan keadaan yang tidak menggalakkan jika dibandingkan dengan masa-masa yang lalu.

Yang pertamanya kita sedia menerima hujah yang mengatakan bahawa ekonomi dunia pada keseluruhannya adalah sebegitu rupa ianya menjejaskan serba sedikit ekonomi negara kita, ini kita terima. Sejak tahun tujuh puluhan ini

seinggalah pada awal 5 tahun dekat lapan puluhan, ekonomi dunia menghadapi krisis demi krisis. Yang pertamanya krisis minyak dan daripada krisis minyak menyebabkan melambungnya masalah inflasi. Di samping adanya inflasi, ada juga resesi ataupun keadaan yang meleset. Dengan adanya keadaan yang bercampur-aduk ini inflasi dengan meleset ini maka negara-negara maju terpaksa mengatasi masalah ini dengan cara menaikkan kadar bunganya dan apabila kadar bunga naik maka turunlah pelaburan di negara-negara tersebut, maka timbullah masalah pengangguran di kalangan ahli-ahli masyarakat negara-negara yang maju.

Untuk mengatasi masalah pengangguran pula, maka negara maju menggunakan keupayaan untuk melindungi ekonomi mereka dengan menggunakan tarif-tarif tertentu, dan dengan adanya dasar perlindungan tadi maka terjejaslah eksport daripada negara kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menerima bahawa ekonomi dunia adalah salah satu daripada sebab mengapa kita menghadapi masalah ekonomi pada masa sekarang jika dibandingkan dengan tahun-tahun enam puluhan ataupun tahun-tahun awal tujuh puluhan. Kerana itu pula saya percaya bahawa Kerajaan sedar dalam akhir tahun tujuh puluhan dan awal lapan puluhan, kita telah belajar serba sedikit tentang pengalaman bagaimana kita hendak mengatasi masalah kemelesetan ekonomi dengan cara mengembangkan sektor-sektor awam kita.

Pada tahun 1979 hinggalah tahun 1982 kita dapati bahawa untuk memenuhi harapan rakyat dan seterusnya untuk menentang arus kemelesetan ekonomi, maka Kerajaan terpaksa mengambil tindakan meningkatkan perbelanjaan Kerajaan sebegitu rupa sehingga saiz Kerajaan kita berkembang begitu luas sekali

sehingga kita terpaksa menanggung bebannya hinggalah pada masa kini, sama ada saiz itu untuk sektor awam ataupun sektor di luar daripada awam tetapi di bawah pengelolaan Kerajaan.

Jadi rasa saya pengalaman tahun 1979-1982 adalah satu pengalaman yang patut kita pelajari bersama-sama dari segi pengurusan ekonomi negara kita, dan dengan adanya pengalaman yang agak tidak meyakinkan kita itu, maka pada masa dua tiga tahun yang kebelakangan ini, Kerajaan menggunakan alatnya iaitu perbelanjaannya dengan cara mengurangkan perbelanjaan daripada setahun ke setahun.

Tetapi lagi satu perkara yang hendak saya tekankan di sini dan saya cuba kaitkan dengan pindaan cukai-cukai, ialah mengenai kelemahan yang sedia ada di dalam struktur ekonomi kita, dan sewajarnya dapat dilihat bukan sahaja dari segi memperbaiki kelemahan itu dengan cara perbelanjaan Kerajaan ataupun dengan cara alat-alat monetary, bahkan juga dengan cara menggunakan alat-alat cukai untuk menggalakkan ataupun untuk menghalang sesuatu yang lemah itu berlarutan.

Saya melihat beberapa sumber-sumber kelemahan di dalam struktur ekonomi kita, di dalam badan ekonomi kita maksud saya. Yang pertamanya ialah daripada semasa ke semasa kita dapati bahawa daya untuk kita bertanding di dalam ekonomi dunia dari segi pengeluaran bahan-bahan mentah seperti kelapa sawit, getah dan juga minyak, makin lama makin kurang jika kita bandingkan seperti negara yang dekat dengan kita iaitu Indonesia dari segi pengeluaran kelapa sawit ataupun Thai dari segi pengeluaran getah. Ini adalah suatu masalah yang terpaksa kita tanggung. Sebahagian besar daripadanya ialah kerana berlakunya pemindahan teknologi yang kita sedia memiliki kepada negara-negara tersebut diikuti

pula dengan adanya kemudahan tenaga buruh yang lebih murah dibandingkan dengan kos buruh di negara kita.

Lagi satu kelemahan yang patut kita pelajari ialah Kerajaan membuat berbagai peruntukan sama ada dari segi penggalakan dalam bentuk cukai ataupun bukan cukai supaya industri kita dari segi mengganti import-import dapat diwujudkan pada tahun-tahun enam puluhan, tujuh puluhan dan kita dapati bahawa selepas 20 tahun kita menekankan industri yang mengganti import-import itu, kita dapati bahawa industri-industri tersebut tidaklah begitu tegas untuk terus tumbuh sebegitu rupa supaya ianya berupaya untuk bertanding di pasaran dunia.

Saya bersama besetuju dengan pandangan daripada pihak Kerajaan yang mengatakan bahawa industri-industri di negara kita ini supaya dapat menguatkan tenaga dan kecakapan mereka supaya perlindungan yang diberikan terutama sekali kepada industri yang mengganti import tadi, akan dapat mengubah kedudukan mereka supaya mereka dapat bertanding di pasaran dunia.

Satu lagi perkara yang patut dilihat dari segi sistem cukai ialah usaha Kerajaan untuk menggalakkan penubuhan industri-industri yang berorientasikan kepada eksport dan tumpuannya hingga kini adalah di dalam bidang elektronik dan kita tahu bahawa sebahagian, serba sedikit walaupun wakil daripada industri elektronik pada hari semalam mendakwa bahawa sektor elektronik telah memberi sumbangan yang begitu banyak sekali kepada ekonomi kita, saya masih lagi percaya bahawa sektor ini tidaklah begitu banyak sekali dari segi meningkatkan pertumbuhan ekonomi kita dari segi nilai tambahan yang mungkin didapatkan daripada usaha memasang sahaja sebahagian daripada komponen elektronik untuk dieksport ke luar negeri.

Lagi satu kelemahan yang mungkin dapat dikesan untuk sepanjang tahun tujuh puluhan ini ialah penekanan kita dari segi pertumbuhan ekonomi terhadap industri-industri yang dipanggil bukan dalam bentuk perdagangan ataupun barangan-barangan yang tidak boleh diperdagangkan di peringkat antarabangsa ataupun dalam istilah Inggerisnya dipanggil "non-tradable". Maksud saya di sini ialah pertumbuhan yang menekankan kepada pembinaan bangunan-bangunan dan harta-harta.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang dihadapi oleh ekonomi kita pada masa sekarang ialah adanya pertumbuhan yang agak lembab di sektor pertanian. Kita sedia maklum bahawa kalau dibandingkan dengan sektor industri, maka pertumbuhan di sektor pertanian adalah begitu rendah sekali. Kita juga maklum bahawa apabila sesebuah masyarakat tadi berubah daripada keadaan yang tradisional kepada yang moden, maka lebih penting lagi sektor perindustrian jika dilihat dari segi Keluaran Kasar Negara ataupun dari segi jumlah penduduk yang mengusahakan sektor pertanian, tetapi ini tidak bermakna bahawa nilai pengeluaran sektor pertanian juga tidak bertambah sepesat yang sewajarnya.

Seterusnya, satu lagi kelemahan yang sepatutnya kita lihat dalam konteks polisi cukai kita ialah lembabnya pembangunan sektor industri sederhana ataupun industri kecil di negara kita ini. Saya tidak menidakkan peranan yang boleh dimainkan oleh sektor industri besar ataupun industri berat, tetapi saya juga menekankan tentang peranan yang boleh dimainkan oleh sektor industri sederhana dan kecil.

Saya percaya Kementerian sentiasa sedar tentang peranan yang telah dimainkan oleh sektor yang saya maksudkan itu untuk negara-negara

yang telah maju seperti negara Jepun ataupun negara yang sedang membangun pesat seperti di Taiwan. Kalau kita lihat masalah yang dihadapi oleh negara seperti Korea Selatan ini, ianya sebuah negara yang begitu menekankan tentang industri berat dan industri secara besar-besaran dan sekarang ini menghadapi masalah di mana timbulnya kos yang tinggi terpaksa ditanggung, hutang yang begitu banyak yang terpaksa dibayar, masalah tidak kecekapan industri-industri yang besar itu dan tiadanya ataupun timbulnya vaeuum atau kekosongan di peringkat bawahan untuk menampung ataupun mendokong industri-industri yang besar itu.

Kalau kita lihat keadaan yang ada di negara kita sekarang ini, kalau kita terus menekankan pembangunan industri-industri besar atau industri-industri berat dengan tidak bersamasama membangunkan sektor industri sederhana dan industri kecil, maka kita akan menghadapi masalah yang sama seperti yang dirasakan oleh negara seperti Korea Selatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menghuraikan dengan secara ringkas walaupun tidak teratur tentang perkara-perkara seperti yang saya telah sebutkan tadi dengan tujuan bahawa kita mestilah cuba melihat dasar cukai kita pada sesuatu ketika berdasarkan kepada masalah-masalah yang kita dapat kesan pada sesuatu masa. Saya juga mencadangkan di sini bahawa pindaan-pindaan cukai ini juga wajar dilihat berdasarkan kepada pindaan-pindaan atau perubahan-perubahan yang telah dibuat dalam 5 atau 7 tahun yang kebelakangan supaya kita dapat benar-benar menilai tentang apakah implikasi dan kesannya daripada pindaan-pindaan yang sedang kita bahaskan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong tentang hasrat-hasrat yang dimaksudkan dengan pindaan-pindaan

seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dan saya cuba melihat pindaan-pindaan tersebut dalam konteks yang agak lebih luas lagi dan satu daripadanya ialah tentang usaha Kerajaan kita mengembelikan sumber-sumber kewangan kita melalui sistem cukai ini.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia adalah satu-satunya negara yang sedang membangun yang telah berjaya mengembelikan sumber-sumber kewangannya melalui sistem cukai. Dalam istilah yang digunakan iaitu "tax effort", dengan izin, yang dibuat oleh Kerajaan untuk mengembelikan sumber-sumber tersebut adalah pada tahap yang difikirkan tinggi. Ini bermakna kalau kita bandingkan negara kita dari segi mengumpulkan sumber kewangan di negara kita melalui sistem cukai, ianya adalah di antara yang paling tinggi di antara negara-negara yang sedang membangun, tidak ketinggalan dengan negara-negara yang telah maju. Misalnya, kalau kita lihat usaha atau tax atau "revenue effort" di Malaysia pada kebelakangan ini pada puratanya ialah sebanyak 27.7% daripada Keluaran Kasar Negara jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti di New Zealand, United Kingdom pada kadar lebih kurang 34% atau 36% dan itu adalah satu kadar yang tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara seperti Thailand iaitu sebanyak 14.6% ataupun di Filipina sebanyak 12.3%.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengenakan sistem cukai kita sebegitu rupa sehinggakan usaha kita mendapatkan sumber simpanan melalui paksaan cukai tadi pada kadar yang tinggi. Tetapi satu perkara yang sepatutnya kita maklum di sini ialah walaupun usaha itu tinggi, ianya serba sedikit dilindungi atau diselindungi oleh sumber cukai daripada cukai minyak. Kalau kita lihat sumber

daripada mengenakan cukai terhadap minyak ialah lebih kurang 12% daripada jumlah cukai-cukai yang dipungut. Kalau kita keluarkan sumber cukai terhadap minyak ini daripada jumlah cukai yang dikenakan, saya percaya serba sedikit kita terdorong untuk memikirkan cara-cara yang lebih berkesan dan lebih wajar ataupun juga dengan lebih adil untuk memastikan pungutan cukai kita pada tahap yang tinggi kerana kita maklum bahawa sumber minyak kita bukanlah satu sumber yang kekal dan mengikut kajian yang ada ianya akan luput atau akan kehabisan dalam jangka masa tidak berapa dekat ini.

Satu lagi perkara yang saya hendak sebutkan di sini ialah apabila kita membuat pindaan-pindaan dari masa ke semasa, termasuklah pada pindaan tahun ini, saya percaya pihak Menteri Kewangan sentiasa memikirkan tentang keupayaan sistem cukai itu untuk berubah secara otomatis mengikut dasar cukai tersebut. Ataupun dalam istilah yang digunakan ialah ukuran "boyancy" cukai. Ini bermakna jika sekiranya asas cukai itu berubah, maka secara otomatis cukai yang dipungut juga akan berubah.

Tuan Yang di-Pertua, satu "fenomena" yang ketara dilihat kebelakangan ini ialah "boyancy" cukai di negara kita ini makin lama makin turun, dikatakan. Ini rasa saya terpaksa dikaji oleh pihak Kementerian Kewangan kerana kita adalah tidak cekap dari segi menggubal sistem cukai jika sekiranya "boyancy" itu makin lama makin berkurangan. Satu sebab yang penting yang mungkin dapat kita fikirkan bersama di sini ialah asas cukai itu ataupun dalam istilah yang digunakan ialah "the tax base", dengan izin. Kalau kita lihat perubahan yang dibuat sejak tahun 1980 hinggalah lima tahun yang terakhir ini, tax base itu makin lama makin kuncup dikatakan, terutama sekali apabila kita

dapati bahawa banyak pengecualian-pengecualian ataupun "exemptions", dengan izin yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada pembayar-pembayar cukai sama ada ianya individu ataupun ianya satu syarikat atau corporate. Sambil kita menyokong pindaan-pindaan ini, saya menyarankan supaya pihak Kementerian sentiasa mengesan tentang akibat pindaan ini terhadap "boyancy" cukai-cukai tersebut.

Satu lagi perkara yang sepatutnya difikirkan ialah implikasi daripada pindaan ini dari segi keadilan. Seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan mengapa cukai terhadap pencen wanita itu dibetulkan semula ialah kerana kedilan kepada wanita, cukai terhadap pencen ahli politik dibaiki supaya ianya lebih adil jika dibandingkan antara ahli politik dengan kakitangan Kerajaan yang lain, tetapi kita melihat soal keadilan ini secara lebih meluas lagi. Saya menyokong tentang hasrat Menteri Kewangan dalam kes-kes yang disebutkan itu, tetapi saya ingin mencadangkan supaya kita sentiasa melihat soal ekuiti ini dengan lebih meluas lagi. Dalam soal keadilan ini kita bukan sahaja melihat sama ada seseorang tadi dikenakan cukai secara adil berdasarkan kepada tingkat pendapatan ianya sama dengan yang lain, tetapi kita dapati bahawa cukai juga mestilah seimbang berdasarkan kepada sumber-sumber cukai.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada pindaan-pindaan yang berlaku sejak tahun 1980 ini oleh kerana banyaknya pengecualian-pengecualian yang telah diberikan, maka beban cukai yang ditanggung oleh seseorang tadi lebih berpaut bukan sahaja kepada tahap pendapatan bahkan juga berpaut daripada sumber manakah ianya mendapat pendapatan-pendapatan tersebut.

Di sini saya sekali lagi meminta pihak Kementerian Kewangan supaya sentiasa mengesan tentang soal tahap pendapatan dan seterusnya sumber-sumber pendapatan supaya soal keadilan ataupun soal ekuiti dapat sentiasa dipelihara sebegitu rupa supaya timbul kurang puas hati di kalangan pembayar-pembayar cukai kita. Tetapi pada keseluruhannya ada pandangan mengatakan bahawa belakunya pindaan 80an ini hinggalah kepada tahun 1985, terus kepada 1986 nanti ialah lebih berpaut kepada berlakunya kesan-kesan yang dikatakan "regressive", maknanya yang kurang berupaya membayar cukai lebih tinggi beban cukai yang ditanggungnya dibandingkan dengan mereka yang lebih berupaya menanggung beban-beban cukai itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mencadangkan di sini supaya kita sentiasa menghadapi masalah ini dan kalau benar kita dapat perbetulkan supaya kritik-kritik seperti ini tidak dapat dilemparkan sewenang-wenangnya kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang hendak saya sebutkan di sini ialah saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya, salah satu daripada kesan pindaan cukai ialah berlakunya pengaliran sumber-sumber pengeluaran ke sektor-sektor di mana ia digalakkan dan lari daripada sektor-sektor di mana ia tidak digalakkan. Dalam soal menggunakan pindaan cukai ataupun sistem cukai secara keseluruhannya, saya mencadangkan di sini supaya kita sentiasa memikirkan alat cukai itu digunakan sebegitu rupa supaya kepentingan ramai itu dapat dipertingkatkan ataupun seterusnya dipeliharakan dibandingkan dengan kumpulan yang terkecil kerana pada saya bukan sahaja dari segi perbelanjaan Kerajaan bahkan juga dari segi sistem cukai ini kita buat sebegitu rupa supaya kita sentiasa

menjaga kebajikan masyarakat yang ramai ataupun kumpulan yang dikatakan kumpulan yang "masses" di dalam sesuatu masyarakat itu. Selain daripada mempertingkatkan kepentingan kumpulan ataupun masyarakat yang teramai, kita juga menggunakan alat cukai sebegitu rupa supaya kita dapat memperkuatkan struktur ekonomi kita.

Saya berbalik kepada perkara-perkara yang saya sebutkan terlebih awal tadi di mana saya cuba mengesan kelemahan-kelemahan yang ada dalam badan ekonomi kita, "in the body of our economy", maksud saya, dengan izin, dan di mana yang boleh kita menggunakan sistem cukai untuk membaiki kelemahan-kelemahan tersebut. Saya berpendapat bahawa di mana yang boleh, walaupun tidak dalam bentuk pindaan pada hari ini, pada masa-masa yang akan datang kita menggunakan sistem cukai kita, sama ada dalam bentuk yang dapat dikanunkan di dalam Rang Undang-undang Kewangan seperti ini ataupun dibuat seperti dalam peruntukan galakan supaya kita menumpukan kepada sektor-sektor yang benar-benar mempertingkatkan kebajikan kumpulan yang teramai di dalam masyarakat kita ini dan satu daripadanya ialah sektor pertanian.

Seperti yang saya katakan tadi bahawa sektor pertanian ialah satu-satunya sektor yang tertinggal dari segi pertubuhan dan seterusnya pembangunan dan perkembangan ekonomi kita. Satu daripada aspek pembangunan sektor pertanian ini ialah dari segi penyelidikan dan pembangunan. Saya berpendapat mungkin pandangan saya ini tidak begitu tepat, tetapi hingga kini saya masih lagi yakin dengan pendirian saya bahawa satu-satunya masalah yang paling serius di dalam soal pembangunan sektor pertanian ini ialah kita sebenarnya tertinggal dari segi "research and development" di

sektor pertanian. Kalau kita lihat misalnya pembangunan pertanian secara bersepadu, kita masih lagi tidak nampak apakah jenis-jenis pengeluaran yang hendak kita sepadukan dari segi kegiatan tersebut, sama ada dari segi pertanian ataupun ternakan ataupun apa juga. Kita masih lagi belum mendapat barang-barangan ataupun keluaran-keluaran yang wajar, yang sesuai untuk ditanam ataupun dipelihara, sama ada dari segi tumbuh-tumbuhan ataupun dari segi ternakan. Kita tidak pasti apa yang paling sesuai berdasarkan kepada keadaan tanah yang ada di sesuatu tempat misalnya. Kalau kita lihat dari makanan buah-buah misalnya, hingga kini kita masih lagi mengharapkan buah-buah daripada pokok-pokok yang lama. Kalau kita lihat misalnya yang pernah dibangkitkan dalam Dewan ini ialah buah duku ataupun buah pulasan, kita masih lagi pada tahap nenek-moyang kita, dari segi rasanya ataupun dari segi saiznya dan sebagainya. Jadi kalau kita lihat pokok-pokok ini hendak ditanam masih lagi terpaksa menunggu, kalau duku misalnya kita terpaksa menunggu 10 ataupun 12 tahun untuk ia berbuah. Cadangan ini adalah, maksud saya, kita masih lagi kebelakangan dari segi penyelidikan dan pembangunan untuk tanaman-tanaman yang mengeluarkan bahan-bahan makanan, seperti buah-buahan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, amalan pertanian jenis-jenis tanaman ataupun ternakan yang hendak kita perbanyakkan di negara kita ini berpunca daripada penyelidikan dan pembangunan. Saya mengharapkan bahawa walaupun tidak ada di dalam bidang pindaan-pindaan Akta yang kita bincangkan sekarang ini, sekurang-kurangnya pihak Kementerian Kewangan dapat memikirkan tentang betapa pentingnya dan seterusnya mana yang sesuai

menggunakan alat cukai untuk memperkuat lagi bidang penyelidikan dan pembangunan ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Lagi satu perkara yang saya hendak tekankan di sini ialah saya berbalik kepada apa yang saya maksudkan sektor industri kecil dan juga industri sederhana.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya cuba membaca Belanjawan 1986 dan saya dapat memerhatikan di dalam bahagian di mana ada lampiran yang mengatakan galakan-galakan untuk sektor pembuatan, galakan khas untuk sektor pertanian dan galakan untuk industri pelancongan.

Saya masih lagi musykil tentang galakan yang boleh diberikan oleh pihak Kerajaan terhadap industri kecil dan sederhana ini. Saya tidak mengatakan bahawa sistem cukai adalah sistem yang paling dekat, yang paling cekap untuk membangunkan industri kecil dan industri sederhana.

Banyak lagi perkar-perkara yang sepatutnya kita perbuat untuk meningkatkan daya pertumbuhan sektor tersebut sama ada dari segi menyelaraskan, dari segi dasar ataupun dari segi pelaksanaan agensi-agensinya yang ada kaitannya dengan industri kecil dan industri sederhana ini, tetapi sekurang-kurangnya kita bersama-sama memikirkan kalau sekiranya dapat diperkuatkan lagi sistem cukai sebegitu rupa, ianya tidak berat sebelah kepada industri-industri besar ataupun industri-industri berat, bahkan lebih saksama di antara industri besar dan industri kecil ataupun sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba membahaskan pindaan-pindaan ini dalam konteks yang agak lebih luas lagi. Jadi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas keizinan, Tuan Yang di-Pertua, untuk

saya membawa perbincangan itu kepada skop yang saya fikirkan relevan dan ada kaitannya dengan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada pandangan-pandangan tersebut, saya dengan sukacitanya menyokong pindaan-pindaan yang kita maksudkan di dalam Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1985. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada Ahli Yang Berhormat hendak berucap? Sila.

4.33 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah diberi kesempatan kepada saya untuk turut berserta dengan Ahli-ahli Dewan yang lain dalam membahaskan Rang Undang-undang Kewangan.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan yang telah begitu membuat pindaan-pindaan yang khusus serta menyeluruh bagi mencapai maksud perubahan dan mengukuhkan beberapa sektor di dalam pertumbuhan ekonomi berdasarkan perubahan-perubahan cukai yang telah dibentangkan di dalam Dewan ini.

Saya cuma menyentuh sedikit mengenai pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta, terutama segi pelupusan tanah di mana kadang-kadang terdapat penilai-penilai harta ini amat berbeza dengan tujuan dan maksud pelupusan tanah itu.

Kadang-kadang terdapat sebilangan rakyat tuan-tuan tanah yang kecil yang juga tertakluk di dalam Akta Cukai Keuntungan Pelupusan Harta ini. Jikalau kita bandingkan tujuan untuk mengenakan cukai-cukai pelupusan tanah ini pada dasarnya ialah ditujukan kepada mereka yang menjadi pemaju

yang telah mendapat keuntungan yang banyak daripada pembina-pembina rumah dan sebagainya di bandar-bandar ataupun di kawasan-kawasan pekan yang kecil.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, setelah peraturan-peraturan cukai ini dikenakan dia tidaklah ada pengecualian kepada tuan-tuan tanah yang memindahmilikan tanah bagi maksud memindahmilikan kepada kaum keluarga dan juga atas alasan kasih sayang dan sebagainya, maka cukai ini dikenakan mengikut nilai-nilai yang dibuat oleh Jabatan Penilaian.

Saya berharap di dalam kita membuat penilaian ini untuk mengenakan cukai-cukai ini hendaklah ada perbezaan pertimbangan-pertimbangan kemanusiaan kepada golongan-golongan ini, kepada golongan-golongan yang tidak berada yang memindahmilikkan tanahnya, dengan izin, kerana sebab-sebab kehidupan kesempitan dan tidak ada jalan lain, boleh dikatakan pelupusan tanah itu merupakan, dengan izin, the bank of the last resort bagi tuan-tuan tanah itu.

Dengan keuzuran anggotanya, lanjut usianya maka tidak ada jalan lain, mereka ini kadang-kadang dengan keadaan terpaksa melupuskan tanah kepada saudara-mara ataupun kepada sahabat-handai dengan kadar nilai yang sangat rendah tetapi bila dinilai oleh Jabatan Penilai di negeri-negeri maka nilaiannya dikenakan nilai pasaran, setanding dengan nilai tanah-tanah itu dimaju dan dibangunkan untuk projek-projek perumahan dan kilang-kilang yang ada di sekelilingnya.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, pernah berlaku kepada seorang individu, seorang pesara daripada anggota Polis yang dengan keadaan darurat berlaku kepada keluarganya maka dia telah melupuskan tanah; tanah satu kampung tersusun, kemudian dalam

dua tahun selepas pelupusan itu datanglah borang-borang cukai dan assessment daripada Jabatan Cukai, maka didapati penilaian tanah itu terlampau tinggi daripada harga pindah milik yang sebenarnya. Maka dalam keadaan kerunsingan keluarga, kerunsingan keuzuran dan bertambah tagi dengan faktor-faktor yang tidak diketahui, pada suatu hari telah dijumpai orang ini membakar diri di dalam sebuah kebun getah. Maka semua ini adalah boleh dikatakan berpunca juga salah satu daripadanya dia terkejut dengan borang-borang daripada Jabatan Cukai ini sehingga dia melakukan tindakan-tindakan yang sedemikian keji dan buruk di sisi agama.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, ada juga ahli-ahli perseorangan ini yang tidak mendiami lagi tanah-tanah yang terencil kerana telah berpindah ke tempat-tempat lain, maka dia juga memindahkan tanah, terpaksa menghadapi cukai-cukai yang sedemikian rupa yang menjadikan tekanan batin yang amat mendalam kepada tuan-tuan tanah itu. Jadi, saya berharaplah kepada pihak-pihak penilai tidak sahaja menilai segi fizikal tanah itu, tetapi menilai dari segi kemanusiaan kenapa tanah itu terpaksa dilupuskan, kenapakah seseorang itu sampai pada suatu tahap telah terpaksa berpisah dengan harta yang dikasihinya dalam keadaan-keadaan yang demikian. Ini semuanya hendaklah diberi pertimbangan yang wajar supaya rakyat kita mendapati bahawa percukaian itu tidak menjadi satu kezaliman kepada diri dia tetapi juga memberikan keadilan.

Di dalam penilaian keadilan ini pengenaan cukai secara langsung (direct) sahaja tanpa memperhitungkan nilai-nilai rohani, nilai-nilai yang lain yang batin yang sangat perlu kepada kehidupan manusia adalah dianggap

sangat ganjil dan sangat menekan kepada sistem hidup demokratik yang ada kepada manusia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh kepada pindaan Fasal 24 iaitu di mana akan diadakan satu perenggan yang baru iaitu perenggan 30A yang akan mengenakan cukai pendapatan kepada Ahli-ahli Parlimen, Dewan Undangan Negeri bagi mereka yang berumur sebelum mencapai usia 55 tahun. Ini tujuannya memang baik kerana menselaraskan dengan kakitangan-kakitangan perkhidmatan Kerajaan yang lain.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit berlainan pendapat dengan pihak Kerajaan di mana ahli-ahli politik seperti Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Negara yang biasa yang tidak menjawat jawatan penuh seperti Menteri, Speaker dan lain-lain. Ahli-ahli politik ini sangat jauh beza perkhidmatannya, cara perlantikannya, cara pemberhentiannya dengan pegawai-pegawai Kerajaan.

Pada suatu ketika dahulu sebelum perkhidmatan dan elaun serta gaji Ahli-ahli Dewan ini dipinda secara yang terakhir iaitu dalam tahun 1980 maka ahli-ahli politik ini sejak daripada tahun 1955 setelah dibuat pindaan-pindaan elaun dan sebagainya, mereka ini adalah merupakan penerima elaun-elaun yang bukan taraf perkhidmatan gaji seperti kakitangan Kerajaan. Mereka ini adalah separuh daripada hidupnya menumpukan bidang-bidang sukarela. Mereka ini daripada asalnya bukanlah terdiri daripada orang-orang yang berada tetapi mereka ini memang hidup bergelumang memimpin rakyat, memimpin badan-badan tertentu sehinggalah mencapai kemerdekaan. Apa yang kita lihat pada hari ini setelah mereka ini menerima ganjaran-ganjaran, menerima elaun dan kadang-kadang terpaksa menumpukan

perkhidmatannya 24 jam kepada rakyat dengan bidang kerja dan bidang perkhidmatan yang sangat jauh beza daripada kakitangan Kerajaan. Mereka ini tidak ada mempunyai Suruhanjaya Perlantikan dan Suruhanjaya Perkhidmatan untuk memberhentikan mereka ini. Kadang-kadang ada ahli-ahli politik ini yang rajin bekerja, bertungkus lumus, kritikal membangkitkan masalah rakyat di Dewan, dalam Kerajaan Negeri dan sebagainya, mendatangkan keadaan yang tidak senang oleh pucuk pimpinan parti dan sebagainya, maka mereka ini dengan secara tidak langsung, secara tidak adil, secara tidak diketahui, dengan izin, "ditendang keluar daripada senarai calon". Kadang-kadang baru berkhidmat di dalam tiga tahun, satu penggal, umpamanya.

Jadi pemberhentian mereka, perkhidmatan mereka tidaklah seiras, selaras dengan kakitangan sedangkan pencen mereka itu terpaksa dibuat mengikut perkhidmatan Kerajaan. Saya kira kepada pihak Kerajaan di dalam memikirkan dan mempertimbangkan cukai pencen-pencen yang terpaksa dikenakan kepada ahli-ahli Dewan yang biasa, yang di bawah umurnya 55 ini kadang-kadang akan memakan masa belasan tahun. Ini adalah satu yang agak kurang mendatangkan manfaat kepada Ahli-ahli Dewan ini, Ini akan menimbulkan pada suatu ketika kelak, kalangan-kalangan warganegara generasi muda akan enggan memasuki bidang-bidang politik dan sebagainya sekiranya mereka itu tidak mantap dengan kedudukan kewangan yang tinggi. Maka apa akan jadi kepada kepimpinan negara kita ini jika semuanya berkehendakkan kemantapan kewangan, latar belakang kewangan yang baik sahaja yang sudi dan mahu untuk meneruskan kepimpinan. Sedangkan kepimpinan dan teraju politik ini amat baik

disuburkan di dalam negara yang demokratik seperti yang telah kita amalkan berpuluh-puluh tahun.

Jadi, saya bersetuju dengan rakan saya Ahli Dewan yang sebelum ini membincangkan bahawa kita menggubal satu struktur percukaian negara ini hendaklah memberi pertimbangan yang jauh lebih mendalam terhadap tiap-tiap sesuatu.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, demikian sahajalah dua perkara yang penting yang saya ingin sentuh yang sangat saya kira mustahak untuk diberi pertimbangan semula. Pada keseluruhannya yang lain saya turut menyokong pihak Kerajaan di dalam Rang Undang-undang Kewangan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar.

4.45 *ptg.*

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian bagi membahaskan satu Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan banyak menyentuh mengenai pindaan-pindaan yang telah dikemukakan yang mana saya percaya tiap-tiap pindaan yang dibuat adalah bertujuan untuk mendapatkan pendapatan daripada cukai-cukai yang salah satu daripadanya hasil pendapatan negara.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan haruslah juga mengambil kira bahawa setiap cukai-cukai yang diperolehi daripada negara ini baik daripada orang perseorangan mahupun daripada syarikat-syarikat ataupun daripada tanah-tanah hak milik perseorangan ataupun yang dipunyai oleh syarikat-syarikat ataupun

syarikat-syarikat yang bergerak dalam lapangan perniagaan dan kesemuanya ini adalah sebagai satu badan yang mana hasil pendapatan cukai itu yang Kerajaan dapat memperolehinya.

Jadi, dengan adanya Undang-undang Cukai Pendapatan atau Akta Cukai Pendapatan yang telah pun dikuatkuasa dalam negara kita ini bolehlah dikatakan suatu Akta yang kadangkala saya anggap terlalu ketat dan kadang-kadang kuatkuasa yang dibuat oleh Director-General, dengan izin, untuk memungut cukai kepada setengah-setengah syarikat ataupun orang perseorangan di waktu masa-masa mereka dalam keadaan yang buntu, maka beberapa notis dan penalti-penalti akan dikenakan. Dan ini telah juga kerap kali menambahkan bebanan kepada pembayar-pembayar cukai. Dan kadangkala tanpa membuat sebarang pertimbangan kepada seseorang yang mana terdapat dalam Akta Cukai, bila seseorang itu telah terlewat daripada tempoh had yang sepatutnya dia menjelaskan cukainya maka pegawai yang berkenaan telah pun melantik seorang agen menurut peruntukan Akta kepada seseorang yang lain, kalau seseorang itu diketahui berhutang kepada seorang yang lain maka seseorang itu boleh dilantik sebagai wakil bagi mengutip cukai pendapatan untuk dibayar terus kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Jadi ini harus juga diambil kira kerana dengan berbuat demikian ianya boleh menyebabkan seseorang yang akan membayar cukai ini disebabkan kerana mungkin dalam keadaan yang ada sekarang, keadaan pertumbuhan ekonomi yang tidak begitu baik maka daripada segi pusingan wang juga amat berkurangan, maka dengan sebab itulah terjadinya ramai pembayar-pembayar cukai pendapatan ini tidak dapat menjelaskan walaupun dengan berperingkat-peringkat. Kerana ini memang dibolehkan seseorang itu membayar cukai, iaitu sama ada dua

atau tiga kali selepas mendapat persetujuan daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Yang amat mendukacitakan kadangkala orang yang dikenakan cukai seperti ini seolah-olah mereka ini orang yang cuba hendak meninggalkan negara ini. Kadang-kadang kita ketahui pegawai-pegawai kita ataupun ada setengah-setengah ahli perniagaan yang terkemuka, mungkin ada di antaranya Ahli-ahli Yang Berhormat ada pula mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin masyarakat, seangkan mereka ini telah menumpukan taat setia mereka kepada Kerajaan. Mereka tahu apa yang Kerajaan hendak buat, dan mereka tahu kegunaan cukai yang akan dipungut oleh Kerajaan untuk membiayai keperluan bagi pengurusan pentadbiran Kerajaan. Maka itulah punca pendapatan Kerajaan kita, tetapi dengan mengenakan syarat-syarat yang kadang-kadang terkeluar daripada pertimbangan, kadang-kadang langsung tidak menggunakan cara budibicara.

Undang-undang memang undang-undang, kita tidak dapat menafikan undang-undang, tetapi budibicara itu adalah salah satu atau sebahagian daripada yang boleh melonggarkan undang-undang. Jadi pertimbangan dan budibicara pegawai-pegawai ini patut diambil kira di mana undang-undang itu patut dilaksanakan dan di manakah budibicara dan pertimbangan itu juga patut datang bersama. Jadi kita mesti melihat keadaan, kadangkala bila mereka yang membayar cukai ini mendapat surat amaran, misalnya Abdullah bin Yusof dan sebagainya adalah seorang pembayar sewa bangunan kepada Hamid bin Dollah dan sebagainya, diminta si polan tadi mesti membayar cukainya terus kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri tanpa membayar kepada tuan yang sepatutnya menerima sewa tadi. Ini

menunjukkan seolah-olah orang ini akan meninggalkan atau lari daripada negeri ini.

Jadi, tinjauan yang serupa itu adalah seolah-olah mengecil-gecilkan kepada pembayar cukai kerana kalau kita fikir di negara-negara Barat, tax payer, dengan izin, pembayar cukai ini adalah orang yang diutamakan, yang dimuliakan kerana mereka inilah yang memberi sumber pendapatan kepada Kerajaan. Jadi cara mendapat dan memungut cukai ini juga mesti mempunyai cara-cara mana yang patut digunakan.

Kalau kita lihat di negeri-negeri Barat di kenyataan-kenyataan akhbar dan sebagainya, sungutan-sungutan yang selalu berlaku di akhbar-akhbar itu juga menggunakan nama samaran sebagai tax payer, itu adalah sebagai satu sindiran kepada Kerajaan, mereka itulah yang mendatangkan punca pendapatan kepada Kerajaan. Jadi kita harus fikir kerana seseorang rakyat di negara ini tidak terkeluar daripada apa jua kemudahan yang diperlukan oleh seseorang. Bukan sahaja daripada cukai pendapatan, misalnya dalam Rang Undang-undang ini akan mengenakan cukai pendapatan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat juga Dewan Negara dan sebagainya yang mana pada satu masa dahulu tidak ada. Dengan adanya cukai yang dikenakan seperti ini, ini juga akan mengurangkan serba sedikit pendapatan mereka yang tidak mempunyai punca-punca pendapatan yang lain selain daripada mengharapkan hasil daripada elaun yang mereka perolehi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ambilkira seseorang manusia macam saya dikatakan tidak luput daripada bertanggungjawab kepada setiap cukai, bukan cukai pendapatan sahaja, cukai jalan raya (road tax) kena bayar, air pun kita bayar, lampu elektrik kita bayar, apa lagi yang tidak dibayar? Setahu saya mungkin angin sahaja di

negara kita ini kita tidak bayar, yang lainnya boleh dikatakan habis kita bayar. Tiap-tiap pergerakan yang kita buat, kita bayar, kita naik kereta pun kita bayar insurans, kalau tidak ada insurans Kerajaan kata mesti bayar third party insurance, kalau tidak beli minyak, kereta kita tidak berjalan, kita bayar cukai kepada minyak kita. Tayar bocor kita tukar tayar, tayar yang kita beli tadi sudah kita bayarkan cukai lagi, cukai demi cukai jadi tidak ada seorang manusia yang terluput baik daripada pihak atasan sehingga kepada mereka yang berkemampuan, yang menggunakan segala-galanya tidak luput daripada cukai di negara kita.

Orang-orang di Barat selalu mengatakan tax payer itu adalah keseluruhannya sebagai seorang manusia, ini tidak kurang diliputi oleh cukai. Jadi kita hidup sebagai seorang manusia yang hidup tercukai. Manusia yang seperti inilah kita hidup, lahir ke dunia, tetapi kelahiran kita di dunia ini tercukai. Inilah keadaannya pada masa sekarang, tetapi ini adalah tanggungjawab kita kepada Kerajaan, kepada negara, tetapi kalau kita selidiki sehari demi sehari bahawa kita sentiasa membebaskan diri kita, membebaskan tanggungjawab kita, biar di mana sekalipun kita pergi biar kita duduk di warung-warung, di gerai-gerai, kita makan kita bayar cukai-itu tidak dapat dinafikan. Jadi itu yang saya katakan kita hidup adalah hidup sebagai seorang yang hidup dibeban dengan cukai, hidup kita ini sentiasa sebagai orang yang kena cukai sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini pernah juga dibentangkan di dalam Dewan ini yang mana Kerajaan pada mulanya mengenakan cukai pemindahan hakmilik rumah atau tanah dan sebagainya. Saya mengalu-alukan di atas pertimbangan ini dan beberapa pengubalan telah dibuat, yang mana pada masa-masa yang lampau

Kerajaan kita telah mengenakan cukai-cukai pendapatan daripada pemindahan hakmilik tanah dan rumah adalah amat tinggi, tetapi setelah diubah ianya sekurang-kurangnya dapat mengurangkan misalnya sesebuah rumah ditaksir sehingga \$2 juta, maka akan dikenakan cukai, ia telah dinaikkan kepada \$2 juta daripada pada mulanya sebanyak \$600,000 sahaja. Ini telah menunjukkan juga usaha Kerajaan untuk mengelakkan daripada keluarga-keluarga yang ditinggalkan oleh ayah dan sebagainya dan mereka inilah orang yang bertanggungjawab dalam mencari kelebihan-kelebihan hidup. Jadi kita khawatir anak-anak keluarga mereka ini yang kurang dalam pengetahuan dan sebagainya akan kehilangan segala harta pusaka-harta pusaka yang dimiliki oleh si bapa tadi.

Daripada cukai keuntungan ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa tanpa cukai ini tadi, tanpa untung Kerajaan tidak akan mengenakan cukai, tetapi beberapa syarikat ataupun accounting firms, dengan izin, walaupun mereka ini mempunyai perniagaan-perniagaan yang boleh menunjukkan keuntungan, tetapi mereka ini boleh membuat perkiraan iaitu terdapatnya kerugian kalau syarikat itu tidak ada untung.

Tahun demi tahun mereka terus sahaja menghantar laporan tahunan mengatakan syarikat ini tidak mendapat keuntungan dan ini juga satu cara yang mana mereka ini mengelakkan daripada mendapat cukai keuntungan. Jadi, kenapakah Kerajaan tidak mencari satu jalan dan ikhtiar yang lain bagi memastikan bahawa tiap-tiap syarikat itu ada mendapat keuntungan.

Inilah juga kadangkala bila syarikat yang berdaftar dan syarikat yang tidak berdaftar itu mempunyai kelebihan yang tertentu, kalau syarikat berhad ini mungkin mereka boleh membelanjakan daripada segi

kegunaan pengurusnya dan sebagainya mempunyai entertainment allowance, dengan izin, dikecualikan daripada cukai tetapi kepada syarikat-syarikat yang tidak berdaftar pula mereka akan dikenakan sepenuhnya, apa sahaja perbelanjaan tidak boleh diambil kira sebagai untuk dikecualikan daripada cukai.

Ini juga kadangkala di Jabatan Hasil Dalam Negeri bila mana ada kelebihan pembayaran cukai, bila untuk mendapatkan bayaran semula daripada baki ataupun rebate daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri akan mengambil masa yang begitu panjang sehinggalah kepada Tahun Taksiran yang akan datang kemudian barulah ditolak balik dari sana. Ini juga kadang-kadang mungkin si pembayar cukai ini memerlukan wangnya untuk digunakan di masa-masa yang tertentu. Sepatutnya Jabatan Hasil Dalam Negeri boleh mempercepatkan pembayaran balik (rebate) kepada mereka yang lebih membayardaripada taksiran cukai yang dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya tidak akan banyak menyentuh dalam soal ini, selain dari itu di sini saya suka juga menyentuh mengenai soal Akta Petroleum yang dikenakan kepada negara ini. Saya fikir petroleum ini adalah kita anggap salah satu daripada industri yang banyak mendatangkan hasil dan keuntungan besar kepada negara kita dan carigali petroleum ini memanglah satu-satu perkara yang memerlukan kepakaran yang lebih tinggi dengan mempunyai modal yang begitu besar tetapi minyak ini pula dianya tidak dibuat oleh manusia tetapi dia terpendam di perut bumi. Di negara kita ini memang sudah Tuhan menjadikan sesuatu negara itu telah pun diberi rezeki untuk rakyat, sesebuah negara itu ada minyak.

Saya fikir Kerajaan hanya banyak membelanjakan daripada segi mendapatkan pakar-pakar carigali dan juga modal-modal untuk mendapatkan

pelantar-pelantar pengorek minyak tetapi dari segi modal Kerajaan tidak begitu banyak membelanjakan. Sepatutnya Kerajaan mengenakan cukai petroleum ini kepada syarikat-syarikat pengusaha ataupun daripada PETRONAS yang telah mengelolakan petroleum kepada negara ini patut memberikan pampasan yang lebih kepada Kerajaan kerana inilah satu-satunya saya fikir boleh dapat menambahkan pendapatan Kerajaan.

Lainlah kalau kita buat satu ladang bertanam koko, koko mungkin salah satu daripada tanaman yang paling cepat antara 18 bulan sehingga 3 tahun akan mendatangkan hasil yang lumayan atau kelapa sawit di antara tiga tahun ke lima tahun, tetapi cara minyak ini kalau betul kepada tempatnya yang ditujukan bila dia dalam pengorekkan minyak akan keluar dan sudah tentu hasil-hasilnya dapat dijangkakan dalam masa 30 sehingga 40 tahun. Saya percaya supaya Akta Petroleum ini juga daripada cukai pendapatannya yang patut dinaikkan oleh syarikat-syarikat pengusaha minyak di negara ini kerana saya fikir simpanan minyak yang ada di dalam bumi Malaysia ini mungkin akan mengambil masa selama antara 40 tahun daripada sekarang dan juga daripada bahan-bahan gas yang masih banyak di bumi Malaysia ini yang boleh kita gunakan sebagai satu pengganti kepada sumber tenaga yang diperlukan dan ini juga mungkin akan menjadi bahan-bahan eksport kita pada masa-masa 40 tahun yang akan datang.

Cukai-cukai yang mana boleh membebankan kepada orang perseorangan itu Kerajaan haruslah mengambil kira, saya tidak bermaksud untuk menurunkan tetapi cuba mengelakkan daripada mana bebanan yang tidak sepatutnya diterima oleh seseorang membayar cukai-cukai seperti ini, sepertimana dikatakan oleh setengah-setengah Ahli Yang Berhormat di sini kalau pemimpin-pemimpin sudah tidak mempunyai

cukup punca pendapatan juga mungkin tidak ramai yang akan tampil dan mungkin kerana sanggup menjadi pemimpin, dan mereka ini akan menjadi seorang pemimpin yang curang kepada rakyat dan akan mendapatkan punca pendapatan melalui rasuah dan sebagainya dan ini yang kita tidak mahu.

Ini adalah sangat bertentangan dengan apa cogankata di negara kita ini, kita mahukan bukan sahaja pegawai-pegawai Kerajaan, kita mahu juga pemimpin-pemimpin kita harus bersikap bersih, cekap dan amanah. Jadi, itulah amalan kita, ini tidak semestinya diamalkan oleh hanya pegawai-pegawai Kerajaan tetapi kepada setiap masyarakat kita baik dibidang swasta, bagi orang perseorangan, pemimpin-pemimpin yang memerlukan kecekapan, amanah. Ini perlu.

Tanpa seseorang yang mempunyai cukup punca pendapatan, inilah berlakunya penyelewengan yang kerap kali. Kalau kita lihat di setengah-setengah negara yang lain, negara-negara yang barangkali di setengah-setengah negara jiran kita, kerana mereka ini tidak cukup mempunyai punca pendapatan sehingga sistem-sistem pentadbiran negara mereka itu tidak dapat dijalankan, ditadbirkan dengan sempurna kerana mereka mementingkan lebih kepada diri sendiri daripada mementingkan kepentingan negara mereka. Sebab mereka berada di dalam keadaan yang mendesak kerana mereka tidak dapat menempuh hidup sehari-hari kerana penghidupan mereka sehari-hari memerlukan sesuatu yang mesti mencukupi untuk mereka pada hari itu. Jadi, mereka terpaksa menggunakan ikhtiar lain bagi memenuhi keperluan mereka. Maka inilah sebabnya berlaku rasuah di setengah-setengah negara jiran kita.

Inilah yang kita khawatirkan, penyakit yang seperti inilah yang kita tidak mahu. Kerana Apa? Mungkin kerana sistem pentadbiran terlalu membebankan kepada rakyat itu sendiri. Jadi, inilah saya berharap kepada pihak Kerajaan iaitu supaya tiap-tiap undang-undang yang akan kita buat, kita haruslah mengambil kira sejauh manakah bebanan sesuatu kuasa undang-undang itu dapat dipikul oleh rakyat.

Sepertimana pada mulanya saya katakan tadi, kita hidup adalah hidup dicukai sahaja, penghidupan kita sentiasa dicukai daripada rambut sehinggalah kepada kaki kita, semua tidak kurang daripada cukai. Rambut, pakai minyak rambut kita pakai cukai. Kita pakai kasut, beli dari luar negeri barangkali kasut BATA itu tidak kena cukai yang dibuat di Malaysia, kita beli setokin yang akhir sekali, kita pakai kena cukai juga. Itu pakaian lelaki. Kalau perempuan gincunya, bibirnya pun pakai cukai, kita bayar cukai ke Paris, lipsticknya dari Paris. Ini semua kena cukai, Jadi kita tidak boleh lari.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir daripada Akta Petroleum yang dimaksudkan dalam Rang Undang-undang ini patutlah diambil perhatian kerana di negara sebelah Asia Tenggara ini selain daripada Indonesia kita Malaysialah satu-satunya negara mungkin yang kedua yang terbesar di Asia Tenggara yang boleh mengeluarkan hasil petroleum yang mendapat punca pendapatan daripada gas dan sebagainya. Saya harap hasil daripada carigali inilah patut dipertingkatkan supaya Kerajaan mendapatkan cukai lebih daripada usaha carigali yang berasas kepada petroleum.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir, selain daripada Akta Cukai Pendapatan Tambahan dan Cukai

Akta Keuntungan yang telah saya sentuh tadi yang mana Jabatan Hasil Dalam Negeri yang menjalankan kuatkuasa bagi mengutip cukai-cukai bagi orang perseorangan mahupun syarikat-syarikat dan sebagainya, haruslah mengambil kira menurut keadaan kemelesetan yang ada sekarang.

Saya fikir kalau kita katakan kemelesetan ekonomi dunia ini bukan hanya disebutkan sekadar di Dewan yang mulia ini, bukan hanya di bangunan-bangunan institusi kewangan, di bank-bank ataupun di jabatan-jabatan Kerajaan, sehingga diwarung-warung yang ada di tengah-tengah jalan itu pun pandai cakap ekonomi merosot. Kalau ini sudah disadari, kenapa pihak-pihak yang tertentu juga tidak menyedari. Jadi, daripada segi pemungutan cukai ini tidaklah bererti yang kita rakyat Malaysia ini akan cuba melarikan daripada cukai dan tidak akan membayar cukai. Kita akan membayar. Jadi, itulah yang saya kesalkan tadi. Kadang-kadang yang merasa terkilang bila berkali-kali surat daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri sehingga mengenakan beberapa penalti dan sebagainya sehingga menjadi satu bebanan yang berat kepada mereka yang membayar cukai.

Saya telah jelaskan tadi bahawa mereka yang duduk di Jabatan Hasil Dalam Negeri, mereka boleh taip sahaja nama, mengambil kod nombor dia, reference dia, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, senang sahaja, hantar Sama ada terima atau tidak terima, dalam Akta Cukai Pendapatan sudah dimaktubkan 14 hari daripada tarikh surat itu di kira sama ada yang dikirim menerima atau tidak menerima. Lanya adalah diakui sebagai telah diterima walaupun surat itu tidak diterima. Inilah juga satu-satunya yang menjadi

kelambatan kepada mereka yang kena membayar cukai dan dikenakan penalti. Ini kerap berlaku.

Jadi, saya haraplah dengan adanya sistem poskod yang sudah dilaksanakan, yang sudah kita mulakan sistem poskod ada sekarang ini mudah-mudahan semua surat-menyurat atau surat-surat daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri ini akan sampai tepat pada masanya kepada orang-orang yang ditujukan. Ini memang sudah termaktub dalam Akta Cukai Pendapatan iaitu dalam masa tempoh 14 hari sama ada kita terima atau tidak terima bererti surat itu telah diterima. Jadi, ini yang menjadi sasarannya kepada orang-orang kita kepada pembayar-pembayar cukai terpaksa. Seolah-olah undang-undang itu tidak kira, tidak mengenal kesalahan dan kesilapan yang berlaku. Ini yang pernah saya bangkitkan kadang-kadang di Dewan yang mulia ini.

Pernah saya baca juga dalam akhbar-akhbar tempatan di Kota Kinabalu, sehingga pihak Post Office meminta supaya berhenti jangan lagi buat komplek-komplek, aduan orang ramai melalui akhbar-akhbar tentang surat-surat yang berdaftar, lambat sampai, hantar telegraphic money order, dengan izin, daripada Kota Kinabalu mengambil masa sehingga 8, 9 hari. Ini semua kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam sistem pentadbiran kita, bukan semua. Tuan Yang di-Pertua, tetapi sebahagian daripada kelemahan-kelemahan seperti ini patut juga diambil kira. Jadi, kalau kita kira daripada segi surat menyurat yang kadangkala surat-surat yang dikirim oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri ini bukan menggunakan surat yang berdaftar, hanya menggunakan surat mel yang biasa sahaja. Ini kadang-kadang tidak sampai dan sebagainya tetapi dianggap sampai. Inilah juga satu daripada masalahnya. yang kadangkala boleh menyebabkan satu bebanan kepada pembayar-pembayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir bahawa tidak lagi ada apa-apa hendak saya sentuh dalam Rang Undang-undang ini. Maka oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1985.

Timbalan Yang di-Pertua:
Dipersilakan Yang Berhormat.

5.17 ptg.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil peranan dalam perbincangan mengenai Akta Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1985 ini.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita tahu bahawa tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mengimplimentasikan program ataupun dasar sebagaimana yang telah diucapkan oleh Menteri Kewangan di dalam Ucapan Belanjawannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sememangnya menyokong Rang Undang-undang ini tetapi dalam perbincangan ini saya ingin menyentuh beberapa aspek di dalam Bil ini supaya dengan itu akan lebih terang kepada pihak Kerajaan akan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat negara kita terutama ahli-ahli perniagaan ataupun pembayar-pembayar cukai di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh pembayar-pembayar cukai, saya rasa yang pertama sekali yang patut saya sebutkan di sini ialah masalah undang-undang mengenai cukai sekarang ini sudah menjadi begitu rumit, sudah menjadi, begitu payah hendak difaham. Kerana itu memanglah dalam bidang Undang-undang Cukai ini memerlukan, dengan izin, "expert", orang yang pakar dalam

masalah ini. Tidak usaha kita bincangkan masalah undang-undang, tetapi borang-borang yang digunakan oleh pihak Kementerian yang berkenaan atau Jabatan Hasil Dalam Negeri, memangnya payah hendak difahami.

Jadi, ini sebenarnya menjadi masalah kepada pembayar-pembayar cukai. Kerana itu banyak di antara masalah-masalah timbul ialah bagaimana misalnya hendak membuat "return", dengan izin, ataupun laporan kepada pihak Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri. Kepada kebanyakan orang yang baru mula hendak berniaga, kepada orang-orang, terus terang saya katakan, bumiputera yang baru mula berniaga, apabila menerima Borang Taksiran Cukai ini, kebanyakan mereka itu simpan dahulu sebulan. Kemudian baru pergi cari orang, tanya macam mana hendak mengisi borang ini. Kemudian kadang-kadang disimpan, tak mahu tengok borang itu. Ada setengah-setengahnya pergi kepada orang-orang yang pada fikiran mereka pakar dalam masalah cukai. Selalunya mereka pergi kepada syarikat-syarikat ataupun firma-firma akauntan yang ada di tempat mereka. Kemudian diserahkan borang itu dan diminta firma itu membuat taksiran ataupun mengisikan borang-borang itu.

Jadi masalah yang besar sekarang yang saya nampak ialah kebanyakan firma-firma akauntan sekarang ini memang mempunyai pejabat, tetapi tidak ada orang yang bertauliah yang menjaga pejabatnya kerana itu kebanyakan daripada laporan cukai atau "return" itu kebanyakannya tidak dihantar ke Jabatan Hasil Dalam Negeri dalam jangka masa yang dikehendaki. Dan kalau tidak dihantarkan borang itu ke Jabatan yang berkenaan dalam jangka masa yang dikehendaki, maka sudah tentulah pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri biasanya akan membuat, dengan izin, "assessment"nya sendiri.

Saya tidak tahu berapa banyakkah, berapa peratuskah daripada cukai yang diterima oleh Kerajaan pada hari ini terdiri daripada cukai-cukai yang dikutip ataupun yang diassesskan, yang tidak sebenar assessment, yang tidak membayangkan pendapatan yang sebenar pendapatan orang yang dikenakan cukai, akibat assessment yang dibuat itu tidak dihantarkan, dengan izin, "return" dalam jangka masa yang ditentukan.

Dengan kerana itu, maka pada perhitungan saya, maka banyak daripada cukai-cukai ini yang dikenakan bayar adalah tidak serupa atau tidak menyamai tidak mengikut atau, dengan izin, "represent" pendapatan yang sebenar bagi ahli-ahli perniagaan atau orang-orang yang membayar cukai.

Jadi, kerana itu saya suka menyeru kepada Kerajaan tentang masalah ini, sebenarnya masalah yang timbul atau yang selalu berbangkit yang memberi kesusahan kepada rakyat, banyak daripada firma-firma ataupun syarikat-syarikat, ahli-ahli perniagaan yang baru hendak tumbuh dalam perniagaan, menyebabkan mereka terbantut kerana masalah cukai, terbantut perniagaan mereka oleh kerana masalah pembayaran cukai, terbantut perniagaan-perniagaan ahli-ahli perniagaan kita ataupun pembayar-pembayar cukai itu atau menyebabkan terbantutnya pertumbuhan ekonomi negara kita juga.

Jadi dalam masalah ini, saya rasa sudah sampai masanya pihak Kerajaan memikirkan masalah ini dan bersikap liberal terhadap pembayar-pembayar cukai dan bersikap liberal di dalam mentaksirkan cukai-cukai ke atas pembayar-pembayar cukai dan memikirkan cara bagaimana hendak memudahkan fahaman undang-undang mengenai cukai ini.

Satu perkara lagi saya suka menyeru ialah supaya Kerajaan mengawasi firma-firma akauntan yang menjalankan perniagaan-perniagaan yang tidak ada kemahiran (professional), yang tiada ahli-ahli akauntan yang bertauliah yang sudah tumbuh di merata-rata tempat, yang kebanyakannya digunakan oleh peniaga-peniaga, pembayar-pembayar cukai sebagai orang-orang yang pakar dalam masalah undang-undang cukai, tetapi sebenarnya tidak pakar dalam masalah ini yang menyebabkan masalah besar kepada pembayar-pembayar cukai dan menyebabkan banyak pembayar-pembayar cukai terpaksa membayar lebih daripada apa yang sepatutnya mereka bayar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari, saya nampak satu perkara yang ditekan oleh Menteri yang berkenaan ialah untuk memberi keutamaan kepada sektor perumahan kerana sektor perumahan, saya rasa dahulu ada disebutkan oleh pihak Kerajaan yang mengatakan sektor perumahan adalah tulang belakang bagi ekonomi negara kita.

Keadaan kemelesetan ekonomi hari ini banyak disebabkan oleh kemerosotan dalam sektor perumahan. Banyak peniaga-peniaga ataupun pihak-pihak syarikat swasta sedikit sebanyak mempunyai perniagaannya dalam sektor ini dan kerana itu kemelesetan sektor perumahan ini menyebabkan kemelesetan bagi ekonomi negara kita. Di dalam Rang Undang-undang ini sekali imbas saya baca, saya tidak nampak apa-apa yang akan memberikan pertolongan kepada sektor perumahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada dalam mana-mana negara di dalam dunia ini yang telah membuat peruntukan di dalam Rang Undang-undang kewangannya ataupun cukainya yang memberi

kelonggaran ataupun pengecualian cukai kepada mereka yang terpaksa membayar faedah kerana pinjaman membeli rumah.

Saya rasa sepatutnya sudah sampai masanya kalau kita hendak menolong sektor perumahan negara kita ini memberi sedikit sebanyak pengecualian terhadap mereka yang membeli rumah dengan cara pinjaman daripada bank ataupun institusi-institusi kewangan dengan cara mengecualikan cukai ke atas mana-mana bahagian daripada pendapatannya yang terpaksa dia membayar sebagai faedah kepada pinjaman bank itu. Saya rasa kalau dapat kita mengecualikan cukai dengan cara ini maka ianya akan dapat menolong banyak pembeli-pembeli perumahan dan saya rasa ianya akan memberi darah baharu kepada sektor perumahan.

Begitu juga masalah pengecualian terhadap pemaju-pemaju perumahan. Di dalam keadaan Kemelesetan hari ini, saya rasa kebanyakan daripada pemaju-pemaju perumahan sekarang ini terpaksa bergerak di atas kadar keuntungan yang rendah ataupun setengahnya oleh kerana tidak dapat menjual rumah terpaksa menanggung kerugian kerana kebanyakan pemaju-pemaju perumahan menjalankan perniagaannya dengan modal yang diambil sebagai bridging finance dan mereka terpaksa membayar faedah yang banyak kepada bank-bank atau institusi-institusi kewangan. Kalau kita boleh mengecualikan atau mengadakan cara-cara bagaimana Income Tax mereka dapat direndahkan, saya rasa ini juga membantu sektor perumahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini ada dicatatkan juga perubahan kepada Cukai Keuntungan Harta Tanah dengan cara dihapuskan ataupun dibatalkan Seksyen 12 kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah. Saya tidak

tahu apakah masalahnya tetapi nampaknya dalam Huraian yang dilampirkan kepada Rang Undang-undang ini nampaknya oleh kerana masalah campur-aduk dengan Cukai Pendapatan. Inilah masalah-masalah sebagaimana telah saya katakan tadi Rang Undang-undang mengenai cukai ini sudah menjadi begitu rumit, sehingga Cukai Keuntungan Harta Tanah terpaksa dicampur-adukkan dengan Cukai Pendapatan. Kalau tidak salah ingatan saya, di bawah Seksyen 12 juga ada mengatakan bahawa kalau misalnya pembeli tidak membayar Cukai Keuntungan Harta Tanah maka Ketua Pengarah boleh minta daripada penjual untuk membayar Cukai Keuntungan Harta Tanah itu dengan dibatalkan undang-undang ini. Saya tidak nampak dia boleh melicinkan lagi masalah pembayaran Cukai Harta Keuntungan Tanah. Bagaimana dengan borang yang akan dihantar kepada pembeli-pembeli sebab kalau tidak salah ingatan saya, borang yang ada sekarang borang CKST.2 adalah dibuat di bawah Seksyen 12. Adakah sekarang ini pihak pembeli terpaksa membuat return ataupun laporan tanpa borang.

Satu perkara lagi yang saya ingin sebutkan di sini dan adalah menyentuh masalah pentadbiran Jabatan Hasil Dalam Negeri. Banyak daripada borang yang kita hantar, terutama sekali daripada firma peguam misalnya hantar ke jabatan ini yang mempunyai reference nombor failnya tetapi kebanyakan jawapan-jawapan yang diterima daripada jabatan ini tanpa nombor rujukan fail tadi maka ini menyebabkan kelam-kabut kepada firma-firma peguam yang mengendalikan, terutama sekali masalah Cukai Keuntungan Harta. Saya rasa perkara ini sepatutnya tidak berlaku dan saya ingin menggesa kepada Kementerian yang berkenaan supaya melihatkan perkara ini kerana banyak wang-wang yang terpaksa yang sepatutnya boleh dibayar dihantar

dengan segera kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri, terpaksa ditangguhkan kerana usaha-usaha untuk mengesan fail-fail kerana sebagaimana yang telah saya katakan tadi surat-surat daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak mempunyai nombor rujukan fail yang telah ditulis dalam surat-surat yang dihantar kepadanya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perkara-perkara yang saya ingin menyentuh dalam perbahasan ini dan pada akhirnya saya sukalah menyatakan bahawa saya berharap dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, ianya akan memberi kebaikan buan sahaja kepada Kerajaan tetapi kepada pembayar-pembayar cukai di dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Jika tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap, sekarang saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.35 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kelima-lima Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membincangkan Rang Undang-undang Kewangan No. 2/85 ini. Pada keseluruhan, saya suka membahagikan hujah-hujah yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada tiga kategori. Kategori pertama menyokong Undang-undang ini; atas sokongan-sokongan yang telah diberikan itu saya amat berterima kasih.

Kategori kedua, cadangan-cadangan yang tidak dapat saya ulas secara tepat pada waktu ini sama ada oleh sebab kekurangan statistik ataupun kurang begitu terang ataupun kurang pengetahuan saya, tetapi percayalah

cadangan-cadangan yang sebegini rupa akan kita teliti nanti dan sekiranya didapati sesuai, kita akan ubah sekali lagi, buat Rang Undang-undang baru berkenaan dengan kewangan supaya dibentangkan pula di persidangan yang akan datang bagi memolekkan lagi Rang Undang-undang ini. Kalau sekiranya kurang sesuai, maka masih lagi kita berterima kasih atas cadangan-cadangan itu.

Kategori ketiga, saya anggap sebagai teguran-teguran ataupun cadangan-cadangan yang dapat saya beri ulasan sedikit sebanyak pada hari ini oleh sebab teguran-teguran ini terang, teguran-teguran ini tidak memerlukan angka-angka dan teguran-teguran ini agak perlu diberi pandangan yang serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kategori ketiga yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Abdul Ghani, mengenai pandangan Yang Berhormat Senator supaya pihak Kerajaan meneliti sedalam-dalamnya sebelum sebarang perubahan-perubahan dibuat terhadap cukai-cukai yang dikenakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya cukai ini adalah satu perkara yang perlu diubah, perlu ditukar, perlu dipinda dari masa ke semasa mengikut keadaan-keadaan tertentu. Maka itu ada ketikanya polisi-polisi terhadap cukai ini ditimbang, diteliti dan perlu ditukar sana-sini mengikut keadaan-keadaan supaya cukai itu benar-benar adil terhadap semua rakyat.

Sebelum sesuatu cukai itu dikenakan, pihak Kerajaan sentiasa meneliti dengan sedalam-dalamnya mengikut keadaan dan kedudukan ekonomi pada waktu-waktu tertentu. Jadi perubahan-perubahan yang dibuat ini bukanlah bererti bahawa cukai yang sebelumnya telah dibuat dengan sewenang-wenangnya, oleh sebab senang ditukar pinda, tahun depan ditukar sekali lagi, seterusnya ditukar

lagi pada tahun selepas itu. Tetapi sebenarnya seperti saya katakan tadi, keadaan ekonomi ini tidak statik, maka itu cukai-cukai juga perlu dipinda dari masa ke semasa.

Sebagai misalan, Cukai Perkhidmatan yang telah kita kenakan 10% sebelum ini, kita dapati bahawa oleh sebab keadaan kemelesetan ekonomi barangkali kurangnya orang berupaya membayar cukai yang tinggi 10% itu, kita telah bersetuju mengurangkan Cukai Perkhidmatan ini kepada 5%. Bukan bererti bahawa sewaktu kita mengenakan 10% itu kita hanya buat sebagai percubaan sahaja.

Suka juga saya menyentuh sedikit tentang perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Ghani berkenaan dengan pandangan beliau terhadap keseluruhan tax base ataupun base cukai ini. Yang Berhormat Senator telah memberi pandangan bahawa tax base kita ini makin bertambah kecil. Kita akui perkara ini memang ada benarnya. Maka itu Kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan, sentiasa berusaha mencari satu cukai yang melibatkan lebih ramai rakyat, tetapi kadarnya tidak tinggi. Ini memang menjadi satu dasar kepada kita. Kita telah mencari satu sumber cukai supaya seramai yang boleh akan terlibat dengan tujuan supaya hasilnya banyak diperolehi oleh Kerajaan, tetapi seseorang yang kena itu tidak akan dibeban dengan satu beban yang amat berat.

Kita sentiasa memikirkan cukai ini merupakan satu sumber kewangan yang amat berguna kepada Kerajaan, tetapi Kerajaan tidak sekali-kali akan menyusahkan rakyat. Misalannya, tahun lepas kita telah mengurangkan Cukai Pendapatan daripada 55% maksima kepada 40% sekarang ini. Saya percaya kalau boleh, sekiranya boleh, kita mendapat hasil-hasil dari sumber-sumber cukai ini sebanyak yang kita perlukan untuk menjalankan pentadbiran kerana, seperti kita

ketahui, Kerajaan kita belum membuat pinjaman-pinjaman untuk menjalankan pentadbiran. Kita hanya membuat pinjaman untuk membiayai projek-projek pembangunan. Jadi kalau kita boleh, misalannya, mengutip cukai secukupnya yang kita perlu bagi membiayai pentadbiran dengan kadar Cukai Pendapatan yang lebih rendah lagi, saya percaya Kerajaan akan berbuat demikian. Ertinya, kita tidak sekali-kali bertujuan mengutip cukai untuk mengazabkan mana-mana pihak.

Malangnya, di dalam keadaan-keadaan seperti ini, seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Abdul Wahab tadi, saya pun rasa sedih ada orang membakar diri. Saya percaya kalau sekiranya dia dapat berjumpa dengan saya sebelum itu dan dia kata kepada saya kalau dia terpaksa juga kena denda sebanyak itu, dia akan bakar diri, saya sanggup tolong dia, walaupun dengan duit saya sendiri. Soalannya bukan kita berhajat mengenakan satu-satu cukai ini untuk menyusahkan sesiapa. Malangnya, agak sukar bagi pihak Penilaian membuat penilaian yang berbeza-beza di antara satu tanah dengan satu tanah yang lain di atas tujuan-tujuan yang berbeza sewaktu tanah-tanah itu dilupuskan, kerana kalau sekiranya seseorang Pegawai Penilaian terpaksa memikirkan penilaian yang dibuat itu berdasarkan kepada tujuan hartanah itu dilupus, maka berbagai-bagai masalah akan timbul kepada pegawai itu sendiri.

Dalam pada itu untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, khususnya Yang Berhormat Senator Haji Abdul Wahab, sebenarnya di dalam Akta Hartanah ini, iaitu Akta yang mengenai tanah itu, malah segala Akta-akta Cukai yang lain-lain, Yang Berhormat Menteri Kewangan sememangnya ada kuasa untuk menimbangankan pengecualian cukai sama ada secara menyeluruh ataupun

sebahagian daripada cukai itu, sekiranya Yang Berhormat Menteri Kewangan benar-benar mendapati kes itu adalah satu kes yang patut diberi pertimbangan. Kalau sekiranya berlaku perkara-perkara seperti ini, dan kita fikirkan bahawa yang dikenakan cukai itu benar-benar perlu dikecualikan ataupun dikurangkan cukai mengikut kadar biasa, kita boleh memberikan pertimbangan yang sewajarnya. Tetapi perlu juga saya beri ingatan iaitu pertimbangan (discretion) ini tidak dapat kita berikan sewenang-wenang, sebab maklum sahaja, mengikut pengalaman, tiap-tiap orang yang datang untuk mendapatkan pengecualian itu ada sahaja alasan-alasan, malah ada yang mungkin sanggup, dia bukan berbohong, tetapi memberi keterangan-keterangan yang tidak benar, hanya untuk menegakkan alasan-alasannya. Maka itu kita menggunakan kuasa ini dengan amat berhati-hati (sparing) sekali,

Mengenai perkara yang amat menarik pandangan saya yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Ghani ialah berkenaan dengan penyelidikan dan pembangunan. Sebenarnya Kerajaan sendiri sentiasa menggalakkan penyelidikan dan pembangunan ini malah di dalam beberapa segi, cukai-cukai tertentu dilepaskan asalkan perbelanjaan itu dibuat untuk penyelidikan dan pembangunan dan kalau tidak silap saya, penyelidikan dan pembangunan ini bukan sahaja khusus untuk industri-industri tetapi juga termasuk penyelidikan dan pembangunan untuk pertanian.

Soalannya sama ada ramai atau tidak yang mengendalikannya hal ini barangkali perlulah kita kemukakan kepada Kementerian-kementerian yang lebih wajar lagi untuk memperkemas atau memperkuat lagi, mengintensifykan perkara ini. Tetapi dari

segi Kementerian Kewangan, memang kita memberi elaun-elaun tertentu untuk penyelidikan dan pembangunan.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab juga menyebut tentang cukai pendapatan ahli-ahli politik, yang dikenakan terhadap pencennya. Sebagai seorang Wakil Rakyat, saya memang bersetuju benarlah. Kalau bolehnya tidak dikenakan cukai sama sekali. Tetapi dari segi Kerajaan sebenarnya, seperti saya katakan tadi pandangan saya sebagai individu tidak penting, tetapi sebagai pandangan Kerajaan sememangnya kita harus membuat perkara ini supaya menyelaraskan, yakni tanpa mengira bagaimana seorang diberhentikan, seorang itu berhenti, seorang itu terpaksa berhenti dan sebagainya sukar dibuat sebagai kriteria tetapi asalkan seseorang itu mendapat pencen dan belum lagi sampai umurnya 55 tahun, terpaksa ia dicukai di atas pencennya. Ini sejajar dengan syarat-syarat yang dikenakan kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Saya kasihan, tetapi saya tidak dapatlah bersetuju dengan pandangan dia, setidaknya-tidaknya pada hari ini, saya tidak bersetuju, maka sebab itu saya terpaksa terangkan sebegitu rupa.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd. Din telah membawa soal mengenai denda oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi mereka yang tidak membayar cukai pada waktu tertentu. Walaupun kita akui bahawa kadangkala surat-surat, mungkin, saya tidak mengatakan ini benar, tetapi mungkin tidak dapat diterima oleh penerima yang dihantar oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri, tetapi dari segi prinsipnya kita ketahui bahawa cukai pendapatan di negara kita ini bukan dibayar pada tahun yang sama, ertinya kita tidak mengamalkan PAYE—"pay as you earn",—dengan izin. Kita mengutip cukai atas pendapatan setahun sebelum, ertinya tahun yang

lepas. Cukai-cukai yang dikutip tahun 1986 adalah atas pendapatan yang didapati dalam tahun 1985.

Sepatutnya kalau kita ini mempunyai budget yang baik, walaupun Kerajaan tidak meminta cukai itu, harus kita ketepikan sekian-sekian banyak untuk cukai, sebab cukai-cukai ini adalah hak Kerajaan dan sepatutnya hak membayar itu terpulanglah kepada kita. Malangnya apabila cukai dipinta terhadap satu-satu tunggakan yang tidak dibayar, alasan-alasan banyak diberi, sebab tidak ada duit dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, cukai pendapatan hanya dikutip terhadap pendapatan-pendapatan yang telah pun diperolehi. Kita tidak mengutip cukai terhadap pendapatan yang kita akan perolehi. Agak sukar bagi Kerajaan menyediakan budget bagi tiap-tiap orang. Oleh itu bagi mereka yang tidak berupaya membuat budget sendiri, cubalah bayar tiap-tiap bulan, seperti saya. Kita bayar tiap-tiap bulan kadangkala terlebih sedikit bayarannya. Walaupun saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Mohd. Din tadi, apabila kita bayar lebih, kita minta balik, payah dapat. Memang itu betul. Tetapi sepatutnya, kalau sedikit-sedikit itu biarkanlah, tunggu hingga tahun depan. Kalau biasanya kita bayar setahun lewat, apa salahnya kalau kita bayar setahun dahulu pada kebiasaannya. Ini tidak menyalahi sangat. Sebagai seorang rakyat yang baik, kita bayar cukai awal dan tidak payah kena denda dan sebagainya.

Kalau semua rakyat boleh bayar awal barangkali kita boleh perkenalkan PAYE "pay as you earn", tanpa banyak cerita.

Walau bagaimanapun, kalau sekiranya masih lagi memerlukan bayaran yang lebih itu dan sekiranya ada pegawai-pegawai yang sengaja lewat-lewatkan—saya percaya tidak

ada—tetapi kalau ada pegawai-pegawai yang sengaja lewat-lewatkan bayaran balik, insya Allah, kita akan boleh memberi bantuan-bantuan kepada mereka yang terlibat; sama ada dia Wakil Rakyat ataupun orang biasa, kita boleh beri bantuan. Tetapi saya percaya tidak ada pegawai-pegawai di Jabatan Hasil Dalam Negeri yang sengaja suka lewat-lewatkan pembayaran balik wang yang telah terlebih bayar ini, kecuali ada alasan-alasan yang agak tertentu—barangkali hutang 2 tahun sebelum itu belum bayar ataupun 3 tahun sebelum itu belum bayar dan sebagainya.

Untuk makluman saudara-saudara sekalian, sejak diadakan komputer di Jabatan Hasil Dalam Negeri, orang yang tak bayar hutang bagi tahun 1976, 1977 semua keluar, datang semula. Ini kadangkala sudah beberapa tahun kena, dia tak bayar, maka Kerajaan terpaksa mengenakan denda sebanyak, kalau tak silap saya, 10% bagi tiap-tiap tahun. Kalau sekiranya kita tidak mahu kena kena denda ini, kalau sekiranya belum dapat surat lagi, apa salahnya bagi kita sendiri pergi ke Jabatan Hasil Dalam Negeri bertanyakan apakah cukai yang harus dibayar dan sebagainya dan membuat bayaran dengan serta-merta sebagai seorang rakyat yang bertanggungjawab. Ini juga satu amalan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya itu sahajalah yang saya anggap sebagai kategori 3 yang mana memerlukan ulasan yang agak segera. Sekali lagi seperti saya katakan tadi, kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan terhadap pindaan ini, saya bagi pihak Kementerian Kewangan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan kepada hujah-hujah yang telah diberikan yang mana tidak dapat saya ulas pada waktu ini, insya Allah, kita akan mempertimbangkan dan sekiranya didapati sesuai berfaedah dan berguna, kita akan ambil kira di

dalam pengubahan, kalau sekiranya perlu lagi, terhadap sistem cukai kita di masa-masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa,

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 53 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK ISLAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.06 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama satu Akta untuk meminda Akta Bank Islam 1983 dibaca bagi kali yang kedua. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ke atas Akta Bank Islam 1983 adalah bagi menyelaraskan pindaan-pindaan yang dibuat dalam Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat Kewangan 1969.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 25 dalam Akta Bank Islam 1983 yang sedia ada melarang sesuatu Bank Islam daripada memberikan pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit

kepada pengarah dan kakitangan bank serta ahli-ahli keluarga rapat dan juga firma-firma dan perbadanan-perbadanan di mana pengarah-pengarah atau kakitangannya mempunyai kepentingan. Pindaan yang dicadangkan dalam Akta Bank Islam akan membolehkan Bank Negara Malaysia menggunakan budibicaranya untuk memberi pengecualian ke atas pinjaman oleh sesuatu Bank Islam kepada perbadanan-perbadanan di mana pengarah-pengarah atau kakitangan Bank Islam menganggotai Lembaga Pengarah perbadanan-perbadanan tersebut tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi.

Tujuan pindaan ini adalah untuk memberi pengecualian kepada perbadanan-perbadanan, seperti institusi-institusi pembangunan dan institusi-institusi Kerajaan yang ditubuhkan untuk memenuhi objektif Kerajaan, anak-anak syarikat sesuatu Bank Islam dan syarikat-syarikat swasta di mana Kerajaan mempunyai kepentingan. Memandangkan pengarah-pengarah dan kakitangan sesuatu Bank Islam tidak menganggotai Lembaga Pengarah institusi-institusi tersebut atas kepentingan peribadi masing-masing tetapi adalah dilantik oleh Kerajaan atau Bank Islam sendiri untuk memberi khidmat kepakaran, maka institusi-institusi tersebut seharusnya dibenarkan memberi kemudahan kredit daripada Bank Islam. Ini adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Bank 1973.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, pindaan akan juga dibuat ke atas Akta Bank Islam dengan mengadakan seksyen baru 27A untuk melarang seseorang pengarah, pengurus atau pekerja sesuatu Bank Islam daripada memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang melebihi hak kuasanya atau yang berlawanan

dengan mana-mana arahan yang dikenakan oleh Bank Islam itu. Pindaan ini adalah juga selaras dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat Kewangan 1969 bagi menghalang penyalahgunaan kuasa dalam proses memberi pinjaman, terutama oleh pegawai-pegawai bank oleh kerana penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam memberi pinjaman boleh mengakibatkan sesuatu institusi kewangan menghadapi masalah yang boleh menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap institusi itu dan sistem kewangan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Islam, 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Lajim.

6.10 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam menyokong Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Islam, 1983.

Saya percaya dengan pindaan ini Kerajaan ingin memperkemas lagi pentadbiran serta urusan bank bank tersebut.

Saya menyokong pindaan Fasal 3 Akta tersebut yang bertujuan mengawal kuasa pengarah, pengurus atau pekerja bank itu. Mengikut pindaan, golongan pekerja bank bank tersebut dilarang memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman atau

kemudahan kredit yang melebihi had kuasanya atau yang berlawanan dengan mana arahan yang dikenakan oleh bank itu. Pindaan ini adalah bersesuaian dan selaras dengan pindaan ke atas Akta- Bank yang dikenakan kepada bank perdagangan yang lain.

Begitu juga dengan pindaan-pindaan lain di mana saya dapati ianya bertujuan memantapkan serta melicinkan perjalanan pentadbiran serta operasi bank tersebut.

Selain dari itu, saya ingin memberi pandangan dan cadangan untuk meningkatkan keberkesanan bank ini dalam industri bank serta memberi perkhidmatan yang lebih meluas kepada orang ramai. Pandangan saya ini adalah selari dengan tujuan bank.

Bank ini diwujudkan pada Ihb Mac, 1983. Kewujudan bank ini adalah berpunca dari resolusi yang dibuat pada tahun 1980 di Kongres Ekonomi Bumiputera di mana Kerajaan telah diminta membenarkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji menubuhkan Bank Islam.

Berikutan dari itu pada 30hb Julai, 1981, Kerajaan telah melantik suatu Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam untuk mengemukakan laporan mengenai penggubalan suatu Akta Bank Islam. Akta ini telah diluluskan pada hujung tahun 1982 dan diwartakan pada tahun 1983. Bagaimanapun, sejak penubuhan Bank Islam 3 tahun yang lalu, perkhidmatannya kepada orang ramai dan penglibatannya dalam industri bank amatlah terhad.

Mengikut satu kajian yang dijalankan di Kuala Lumpur baru-baru ini, penubuhan Bank Islam adalah dianggap sebagai satu alternatif kepada umat Islam untuk menjalankan urusan bank dan kewangan tanpa riba. Malangnya alternatif ini masih kurang mendapat sambutan dari umat Islam. Ramai umat Islam dan yang bukan Islam menganggap Bank Islam sebagai

suatu rumah kebajikan di mana tidak ada pelaburan harta seperti yang terdapat di Baitulmal.

Kajian itu juga menunjukkan orang ramai masih meragukan keupayaan Bank Islam untuk mencapai kejayaan seperti bank-bank perdagangan yang lain. Keraguan ini saya rasa lahir dari kurangnya pengetahuan orang ramai mengenai konsep-konsep perkhidmatan yang disediakan oleh Bank Islam itu.

Contohnya penemuan dari kajian itu menunjukkan sebahagian besar penduduk di Kuala Lumpur iaitu 87% mengetahui kewujudan Bank Islam dan 13% tidak mengetahui. Apa yang mendukacitakan ialah hanya sebilangan kecil sahaja yang menggunakan perkhidmatan Bank Islam iaitu 9% sahaja. Sementara itu 6% sahaja dari 150 orang yang ditemuduga berkata mereka memahami konsep-konsep perkhidmatan Bank Islam. Jika 90% orang yang ditemuduga di Kuala Lumpur tidak memahami konsep-konsep Bank Islam sudah tentu jumlahnya lebih tinggi di kawasan-kawasan luar bandar. Oleh itu, untuk mempertingkatkan lagi pengurusan dan urusan Bank Islam, saya ingin mencadangkan beberapa perkara:

Pertama, Bank Islam harus meningkatkan lagi program pemasaran perkhidmatannya. Ia harus meningkatkan program pengiklanan melalui radio dan TV serta akhbar dan majalah. Keuntungan-keuntungan dari konsep perkhidmatannya hendaklah diterangkan supaya orang ramai lebih faham dan berminat terhadapnya.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Islam juga harus memperbanyakkan lagi jenis-jenis perkhidmatan seperti kad mesin automatik, kotak penyimpanan keselamatan dan lain-lain seperti yang terdapat di bank-bank perdagangan.

Kedua, untuk menambahkan wang simpanan dari orang ramai, Bank Islam patut menambahkan cawangan-cawangan di seluruh negara terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Ketiga, Bank Islam hendaklah mempertingkatkan projek-projek usahasama mengikut konsep mudarabah. Mengikut konsep ini keuntungan yang didapati melalui projek-projek usahasama dengan badan-badan atau syarikat-syarikat lain akan dibahagi mengikut nisbah yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Ini memang sedang dilaksanakan tetapi sebagaimana yang saya katakan tadi untuk mempertingkatkan lagi. Projek-projek usahasama yang saya maksudkan adalah seperti mengadakan projek usahasama dengan syarikat-syarikat perumahan, syarikat-syarikat industri berat, syarikat-syarikat insurans seperti Syarikat Takaful yang mengendalikan urusan insurans dengan berlandaskan hukum Islam.

Cadangan-cadangan yang saya jelaskan tadi adalah di antara beberapa cara yang saya anggap baik bagi pihak bank memperluaskan perkhidmatannya dengan badan-badan perniagaan lain di samping memberi perkhidmatan yang lebih berkesan dan lebih bermakna kepada orang perseorangan. Dengan ini pihak bank dapat mempelbagaikan perkhidmatannya.

Sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Bank Islam 1983.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli Yang Berhormat hendak berucap? Kalau tidak ada, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Saya persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

6.28 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar kerana memberi sokongan terhadap Rang Undang-undang ini.

Suatu perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ialah mengenai peratusan yang kecil yang menggunakan Bank Islam. Saya rasa peratusan kecil ini tidak memeranjatkan kita.

Pertama, bank itu baru dua tahun atau lebih sedikit pembukaarmya.

Kedua, kita hanya ada dua, tiga cawangan sahaja Bank Islam di seluruh Kuala Lumpur. Ertinya cawangan-cawangan bank-bank perdagangan lain yang ada 38 semuanya, dan tiap-tiap satu bank itu mempunyai 3, 4, 5, 6 cawangannya di Kuala Lumpur atau kawasan sekitaran ini. Jadi, kalau dikira Bank Islam adalah satu daripada bank daripada banyak cawangan-cawangan bank perdagangan di dalam Kuala Lumpur ini. Jadi, rasa saya pengguna-pengguna 9% daripada ahli-ahh perniagaan yang menggunakan Bank Islam di dalam Kuala Lumpur ini merupakan satu angka yang boleh mengembirakan.

Berkenaan dengan kemudahan-kemudahan seperti mengadakan safe deposit boxes, dengan izin, mengadakan kemudahan-kemudahan lain, insya Allah, kalau sekiranya belum ada lagi, kita akan memberi pandangan kepada pihak Bank sendiri supaya diteliti dan kalau sekiranya didapati berfaedah mengadakan ini ataupun berguna dari segi mendapatkan banyak lagi pelanggan bank, saya percaya Bank Islam akan mengadakan kemudahan-kemudahan ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar juga menyebut tentang cadangannya ataupun

mencadangkan supaya ditubuhkan lagi banyak cawangan-cawangan Bank Islam ini di seluruh negara. Saya pernah memberi jawapan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dalam tahun hadapan sahaja enam buah cawangan lagi akan didirikan. Apabila enam atau tujuh buah cawangan ini ditubuhkan di tiap-tiap negeri yang belum ada lagi bererti seluruh ibu negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak akan mempunyai cawangan-cawangan Bank Islam dan tiga daripadanya terdiri daripada cawangan-cawangannya di Kuala Lumpur.

Selepas itu, dalam tahun 1987-1988 beberapa cawangan akan didirikan di bandar-bandar kedua terbesar dari segi negeri berkenaan khususnya bandar-bandar yang mempunyai ramai penduduk-penduduk Islam. Kita percaya menjelang tahun 1990, saya tidak tahu bilangan sebenarnya, tetapi saya kira dalam lingkungan lebih daripada 30 atau 40 cawangan Bank Islam akan didirikan.

Berkenaan dengan penyertaan Bank Islam di dalam perniagaan-perniagaan, sebenarnya memang beberapa konsep telah diadakan oleh Bank ini sama ada melalui mudarabah dan sebagainya. Sebenarnya, kalau kita terjemahkan dalam bahasa Inggeris serupa juga konsepnya dengan konsep-konsep yang diadakan dalam bank-bank perdagangan. Cuma bezanya sedikit sahaja iaitu dalam perjalanan Bank Islam itu tidak diadakan riba. Untuk melarikan daripada ini, untuk menjadikan ia halal dari undang-undang Islam, misalnya, di dalam bank perdagangan, sesuatu rate ataupun kadar faedah tertentu diberi pada hari ini untuk setahun akan datang. Itu dinamakan interest. Berbeza sedikit dari segi Bank Islam yang memberi keuntungan, bererti keuntungan yang diberitahu hari ini adalah berdasarkan kepada perniagaan yang telah setahun dijalankan. Itu agak berbeza sedikit. Dia tidak memastikan berapa

pendapatan yang boleh diperolehi dari satu-satu simpanan. Dari bank perdagangan biasa dia akan ditetapkan, dia beri, katakanlah 10%-11% dan sebagainya untuk simpanan setahun yang akan datang. Sedangkan Bank Islam itu memberi keuntungan di atas pelaburan yang telah dibuat setahun yang sudah. Ertinya, keuntungan itu tidak dapat ditetapkan, tetapi berdasarkan kepada perniagaan yang dijalankan dengan menggunakan wang simpanan yang dibuat oleh seseorang itu di dalam Bank Islam.

Kalau seseorang itu mengharapkan pinjaman daripada Bank Islam ini tidak ada faedah, ertinya tidak ada sedikit bayaran lebih daripada apa yang dipinjam, tak usahlah; sudah tentu tidak akan boleh bank berjalan seperti itu. Siapa hendak bayar gaji orang yang bekerja di dalam bank-bank, siapa hendak membayar sewa cawangan-cawangan bank di mana cawangan itu terletak dan sebagainya. Cuma perbezaannya adalah dari segi akadnya. Misalnya, kalau sekiranya kita hendak meminjam wang untuk membeli rumah melalui sistem Bank Islam, melalui leasing, saya pun tidak tahu dalam bahasa Arab sebenarnya, emak saya dulu tidak hantar saya ke sekolah Arab. Tetapi cakap Inggerisnya ialah leasing. Bezanya kalau satu-satu harga rumah \$100,000, Bank Islam akan membeli rumah itu \$100,000 kemudian diadakan dijual kepada orang yang hendak meminjam dengan harga \$150,000. Dan orang yang membeli tadi akan membayarliah sebanyak \$150,000 untuk beberapa tahun hingga habis. Itu halal dari segi Islam. Itu sahaja bezanya.

Berkenaan dengan penyertaan Takaful dan sebagainya, kalau tidak silap saya, Syarikat Takaful ini juga ada penglibatan Bank Islam. Kalau tidak ada sekalipun, insya Allah, kita akan beritahu Bank Islam ataupun kita akan

tanya dia. Tetapi kalau tidak silap saya sebenarnya Bank Islam ada kepentingan di dalam Syarikat Takaful ini, yang juga merupakan satu insurans serupa juga dengan syahkat insurans yang lain cuma bezanya ada penyertaan tiap-tiap yang mengambil polisi dari Syarikat Takaful ini.

Saya rasa yang lain, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada lagi yang saya hendak sebutkan, sekali lagi saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana menyokong Bill ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, dan sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2.30 petang esok, hari Khamis, 19hb Disember, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.